

Bil. 22

**Isnin
28 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	[Ruangan 1]
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:	
Krisis Badan Kehakiman Mengenai Integriti dan Keadilan Sistem Kehakiman – Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)	[Ruangan 18]
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Penjara 1995	[Ruangan 21]
Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995	[Ruangan 23]
Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) (Pindaan) 1995	[Ruangan 25]
Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995	[Ruangan 28]
Rang Undang-undang Suruhanjaya Bintulu (Pindaan) 1995	[Ruangan 41]
Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995	[Ruangan 47]
USUL:	
Penangguhan Mesyuarat	[Ruangan 61]
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Masalah Penternak Khinzir di Melaka – Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	[Ruangan 61]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri,
DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M.,
S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan,
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M.,
S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK,
D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK,
S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI
RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun
Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P.,
S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S.,
B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,
DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S.
(Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M., P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO’ ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO’ HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, DATO’ TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim—Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO’ HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO’ K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO’ ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO’ S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO’ M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO’ MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO’ HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N., (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO’ ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI AFDAL, P.G.D.K, (Semporna).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- " TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

Yang Berhormat TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (MERBOK).

- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN Ahmad (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).

- Yang Berhormat DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb Ogos 1995

Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

(Soalan No. 1—Y.B. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar tidak hadir)

**AKUAKULTUR—
MENAMBAHKAN HASIL
PERTANIAN/PENTERNAKAN**

2. Dato' Hew See Tong minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada pihak kerajaan telah bercadang hendak melaksanakan rancangan-rancangan untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran makanan seperti melalui akuakultur (aquaculture), penternakan ayam-itik dan sektor pertanian sebagai langkah untuk mencegah masalah inflasi; dan

- (b) apakah polisi-polisi dan insentif-insentif yang diberikan untuk menggalakkan pelaksanaan rancangan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran makanan dalam usaha mencegah inflasi seperti yang ditetapkan oleh Dasar Pertanian Negara melalui strategi peningkatan pengeluaran makanan. Di antara usaha-usaha yang telah dan akan dijalankan adalah seperti berikut:
- (i) menggalakkan pihak swasta, petani, penternak dan nelayan menceburi sektor pengeluaran bahan makanan;
 - (ii) pemberian perkhidmatan secara pakej merangkumi penyelidikan dan pembangunan, perkembangan dan khidmat-khidmat lain seperti penyediaan kemudahan, pengedaran dan sebagainya;
 - (iii) mewujudkan dasar pelaburan asing yang liberal untuk menarik teknologi, kepakaran, modal dan hubungan pasaran khususnya dalam industri susu, perikanan laut dalam, buah-buahan dan sayur-sayuran;

- (iv) peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengembangan yang padu dan komprehensif; dan
- (v) meluaskan kawasan pengeluaran makanan negara dan mewujudkan pengezonan kawasan-kawasan yang intensif untuk pembangunan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan musim sederhana dan tropika, akuakultur dan penternakan.
- (b) Di antara insentif yang disediakan untuk menggalakkan pelaburan di dalam sektor pengeluaran bahan makanan termasuklah peningkatan jumlah dana Tabung Makanan Negara (Fund for Food) daripada RM300 juta kepada RM600 juta serta kelonggaran syarat pinjaman tabung tersebut. Pinjaman minimum tabung itu kini telah diturunkan daripada RM50,000 kepada RM10,000, sementara tempoh bayaran balik telah dipanjangkan daripada 5 tahun kepada 8 tahun. Manakala kadar faedah pinjaman juga dikurangkan kepada 4% berbanding 8% sebelum ini. Di samping itu, kerajaan juga telah menyediakan insentif-insentif seperti berikut:
- (i) pemberian taraf perintis 5 tahun;
- (ii) Elaun cukai pelaburan;
- (iii) pengurangan pendapatan larasan;
- (iv) potongan dua kali bagi menggalakkan eksport;
- (v) elaun galakan penyelidikan dan pembangunan;
- (vi) Elaun galakan pembangunan manusia;
- (vii) elaun bangunan perindustrian;
- (viii) potongan dua kali bagi premium kredit insuran untuk eksport;
- (ix) pengecualian duti kastam untuk mesin dan alat;
- (x) elaun pelaburan semula; dan
- (xi) potongan bagi perbelanjaan modal ke atas projek pertanian yang diluluskan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha kerajaan untuk menggalakkan orang-orang kampung, masyarakat luar bandar terutamanya bagi menyahut seruan kerajaan dalam memperbanyakkan ternakan dan sebagainya, pada hari ini kita menghadapi masalah. Dengan kerjasama yang telah diberikan oleh pihak jabatan dan juga kementerian, banyak masalah ternakan lepas tanpa kawalan, umpamanya kerbau dan juga lembu. Jadi, apakah rancangan kementerian Yang Berhormat ke arah menggalakkan petani-petani atau pun penternak-penternak ini supaya dapat mengawal ternakan-ternakan mereka tanpa dilepas bebas kerana mengancam keselamatan pengguna-pengguna jalan raya, program pengindahan kawasan dan sebagainya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, maksudnya ialah lembu-lembu berkeliaran di kampung. Kita memang telah menggalakkan diadakan padang-padang ragut tetapi masih lagi ada lembu-lembu dan kerbau-kerbau yang berkeliaran di kampung. Kita sedang berusaha untuk memberi pendidikan dan kursus atau pun ceramah-ceramah diadakan di kampung-kampung melalui JKKK dan sebagainya untuk mengawal ternakan mereka.

**PENYANYI/PENCIPTA
TERLIBAT TINDAKAN
DISIPLIN—SIARAN LAGU
MELALUI RTM**

3. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: minta Menteri Penerangan menyatakan adakah kementeriannya akan terus menyiarkan seluruh lagu-lagu ciptaan atau pun nyanyian pencipta atau pun penyanyi yang terlibat dengan tindakan disiplin, kegiatan pelacuran dan lain-lain kemungkaran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal): Tuan Yang di-Pertua, artis yang disahkan telah dikenakan tindakan disiplin, terlibat dengan kegiatan pelacuran dan lain-lain kemungkaran adalah dilarang mengambil bahagian dalam mana-mana rancangan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Mengenai bentuk larangan pula, iaitu sama ada tidak menyiarkan seluruh lagu-lagu ciptaannya, nyanyian penciptanya atau penyanyinya, adalah bergantung kepada siapa yang melakukan kesalahan itu dan jenis-jenis kesalahan yang dilakukannya.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat sahabat saya.

Apakah kategori artis-artis yang dikenakan tindakan disiplin itu? Apakah tindakan-tindakan selain daripada tidak menyiarkan lagu dan sebagainya daripada artis-artis yang berkenaan? Bilakah masalah disiplin ini akan ditangani sebenar-benarnya oleh Kementerian Penerangan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datok tadi, satu mengenai dengan peraturan yang kita telah letakkan. Kementerian Penerangan telah menggubal satu kod etika, di mana ini melibatkan para artis, penyanyi yang terlibat secara langsung dalam siaran televisyen mahupun radio terhad untuk melakukan apa juga kegiatan-kegiatan yang tidak bercanggah dengan kod etika, seperti pakaian yang tidak selari dengan dasar kerajaan, iaitu memperlihatkan budaya yang melambangkan budaya yang baik selaras dengan cita-cita negara kita. Sekiranya mana-mana artis terlibat seperti dahulu di mana kementerian telah mengambil tindakan tegas terhadap dua orang artis, di mana kita telah hadkan siaran sama ada nyanyian terhadap dua artis tersebut.

Pada masa dahulu kita mengambil tindakan contohnya seperti Jamal Abdillah dan juga Zarina Zainuddin sepertimana yang telah saya jelaskan dalam soalan di Dewan ini. Apabila diperlihatkan bahawa mereka ini telah berkelakuan yang baik, maka kita tidak zalim, Kementerian Penerangan akan memberi kelonggaran dan we will allowed, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk mereka mempersembahkan lagu-lagu dan persembahan mereka, bila kementerian rasa bahawa ianya berpatutan.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila artis-artis ini digam ataupun diambil tindakan, berapa lamakah biasanya tindakan diambil ataupun hukuman diberi.

Yang keduanya adakah pihak Kementerian Penerangan ingin melaksanakan program membaiki akhlak atau pemulihan akhlak kepada artis-artis ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Afdal: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tadi, kita tidak mempunyai had waktu atau jangka masa yang kita ambil tindakan terhadap artis-artis yang terlibat memperlihatkan moral yang tidak baik. Tetapi bila mana waktu sudah sampai bahawa artis tersebut seperti yang saya nyatakan memperlihatkan tabiat yang baik, kelakuan yang baik, maka kementerian tidak teragak-agak untuk melonggarkan dan tidak lagi mengambil tindakan tegas terhadap artis-artis tersebut.

Bagi menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini. Setakat ini kementerian tidak mempunyai langkah-langkah seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, namun demikian pandangan yang cukup baik kita ambil perhatian untuk kita amalkan di Kementerian Penerangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak.

(Soalan No. 4 – Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong.

(Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Wong Kam Hoong tidak hadir)

TAMAN INDUSTRI DI SELURUH NEGARA— JUMLAH PEMBINAAN

6. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan taman-taman industri yang sedang dan telah siap pembinaannya di negara ini;
- (b) apakah matlamat atau rancangan kerajaan terhadap pertumbuhan taman-taman industri ini; dan
- (c) apakah bentuk pengawalan dari pihak kerajaan terhadap pertumbuhan taman-taman industri ini dari segi:
 - (i) alam sekitar;
 - (ii) saingan antara pemaju-pemaju;
 - (iii) pengambilan pekerja-pekerja industri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga kini sebanyak 186 buah taman-taman industri dengan keluasannya 26,268 hektar telah siap dibina oleh agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara. Manakala 58 buah lagi dengan keluasannya 7,267 hektar dalam rancangan untuk dimajukan oleh agensi-agensi berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat lebih kurang 90% daripada taman-taman industri adalah tertumpu di empat buah negeri di Pantai Barat Semenanjung, iaitu negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Melaka. Baki 10% lagi adalah terletak di negeri Kedah, Pahang, Pulau Pinang, Johor dan negeri-negeri lain. Dalam pada itu setakat ini, sebanyak 33 buah taman-taman perindustrian telah dimajukan oleh pihak-pihak swasta di seluruh negara.

- (b) matlamat dan rancangan kerajaan mewujudkan taman perindustrian ialah untuk membolehkan kerajaan menyediakan kemudahan infrastruktur secara teratur dan serba lengkap di samping memudahkan pengurusan dan penyediaan perkhidmatannya. Dalam pada itu rangkaian industri serta industri sokongan dapat diwujudkan serta dipupuk perkembangannya selaras dengan matlamat kerajaan menjadi negara perindustrian yang maju pada tahun 2020 nanti.
- (c) taman-taman industri di tempatkan pada zon-zon tertentu untuk memenuhi keperluan alam sekitar dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar. Sebenarnya kawalan alam sekitar telah dikenakan di peringkat perancangan lagi sama ada melalui kajian-kajian kesan alam sekitar EIA, dengan izin ataupun kajian kesesuaian tapak. Di peringkat operasi pula industri-industri dalam taman ini perlu mematuhi aturan dan peraturan kualiti alam sekeliling dan Undang-

undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan. Kerajaan tidak mengawal persaingan di antara pemaju-pemaju dengan membangunkan taman-taman perindustrian dan pembangunannya adalah berdasarkan kepada kuasa pasaran dan keadaan setempat. Namun begitu penyelarasan ada dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan cara mengenal pasti zon-zon kawasan perindustrian yang boleh dimajukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pekerja-pekerja dibuat terus oleh pihak-pihak syarikat mengikut keperluan mereka. Kerajaan hanya mengawal dari segi pengambilan pekerja-pekerja asing serta dari segi kebajikan dan keselamatan pekerja-pekerja berlandaskan undang-undang serta peraturan yang sedia ada.

Tuan Tue Si @ Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bercadang untuk mengadakan logi pembersihan berpusat supaya dapat mengawal keadaan alam sekitar dengan berkesan?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, memang tumpuan kita sekarang adalah untuk mengutamakan masalah-masalah yang boleh mencemarkan alam sekitar. Dari segi industri-industri yang kita beri keutamaan ialah industri berteknologi tinggi perlukan kemudahan seperti pembersihan barangan-barangan toksid yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Setakat ini kita sedang menyediakan industri sokongan khususnya di Kulim Hi-Tech Park, dengan izin untuk

kemudahan ini. Selain daripada itu mungkin kita akan dapat kaji dan mengenal pasti tempat-tempat lain di mana kita boleh wujudkan loji-loji ini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang :
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, saya ingin tahu kenapa penumpuan taman industri dilakukan di Pantai Barat dan tidak diberi penumpuan dan apakah tidak ada langkah ke arah mewujudkan taman industri juga di Pantai Timur?

Yang kedua, sejauh manakah pembinaan taman industri ini dapat diwujudkan sejajar dengan usaha bagi melakukan transfer of technology kepada negara kita?

Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar bahawa kita memberikan tumpuan hanya kepada kawasan-kawasan di Pantai Barat sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Kelantan sahaja 7 taman atau tapak industri telah diwujudkan yang melibatkan kawasan seluas 556.35 hektar dan di samping itu kerajaan juga telah memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan di Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan mewujudkan insentif-insentif tertentu khusus untuk koridor-koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pakej insentif ini meliputi insentif seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun infrastruktur, pengecualian duti import, galakan pusingan kali kedua bagi taraf perintis dan elaun cukai pelaburan. Daripada kajian ini kita lihat bahawa insentif-insentif ini begitu berkesan sekali dan kita pun boleh dapat melihat bahawa ada peningkatan dari segi pelaburan di Pantai Timur.

Di samping itu, ingin saya tegaskan di sini, bahawa pelaburan di sesuatu negeri itu bukan sahaja mengambil kira faktor-faktor seperti insentif yang

disediakan, ianya perlu juga kepada suasana sosial, budaya, pelaburan yang dengan izin, condusive kepada perkembangan industri, satu persekitaran yang serasi dengan pertumbuhan ekonomi.

Kedua, ianya perlukan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan yang memuaskan dan yang paling penting saya rasa ia perlukan suasana politik yang stabil yang diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang berwawasan. Oleh yang demikian, sekiranya Kerajaan Negeri, khususnya negeri Kelantan dapat memastikan semua faktor tersebut dapat disediakan, maka sudah pasti para pelabur dapat menempatkan pelaburan mereka di negeri Kelantan. Insha-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim.

Dato' Hon Choon Kim : Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-7. Saya ada satu pembetulan dalam soalan saya, iaitu "Sistem Pelajaran Jarak Jauh" dan bukannya "Sistem Jarak Jauh Pelajaran". Sekian, terima kasih.

SISTEM PENDIDIKAN JARAK JAUH—SYARAT DAN KELAYAKAN

7. Dato' Hon Choon Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Sistem Pelajaran Jarak Jauh akan dimulakan dan jenis kursus yang akan ditawarkan. Apakah syarat dan kelayakannya untuk menyertai program ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Pendidikan Jarak Jauh negara ini telah dipelopori oleh Universiti Sains Malaysia mulai sesi 1971/1972

melalui Rancangan Pengajian Luar Kampus. Program yang ditawarkan ialah Sarjana Muda Sains, Sarjana Muda Kejuruteraan dan Kursus Sains Pemulihan.

Institusi pengajian tinggi lain yang telah menjalankan Program PJJ ialah ITM yang menawarkan bidang-bidang pentadbiran awam, pengajian perniagaan dan pengajian bank pada peringkat diploma. UKM pula menawarkan bidang perubahan pasca siswazah dan UM menawarkan sarjana muda kejuruteraan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, semua IPT awam akan menawarkan Program PJJ ini. IPT yang sudah memperkenalkannya akan memperkukuhkan dan memperluaskan program-program yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak akan memantapkan program sepenuh masa dahulu sebelum menawarkan program PJJ.

Kumpulan sasar utama bagi Program PJJ ialah mereka yang memenuhi syarat dan kelayakan sebagai calon untuk mengikuti pengajian secara sepenuh masa serta berkeinginan belajar sambil bekerja tetapi tidak berjaya dalam pemilihan yang dikendalikan oleh Unit Pusat Universiti Kementerian Pendidikan.

Tuan Lim Kit Siang : Tuan Yang di-Pertua, mengenai sistem PJJ, sudah lebih 10 tahun ura-ura, cadangan-cadangan oleh kerajaan dan Kementerian Pendidikan sendiri mengenai universiti terbuka (open university) akan ditubuhkan menggunakan sistem radio dan televisyen untuk sistem PJJ ini. Adakah Kementerian Pendidikan telah mengambil satu keputusan bila open university ini akan ditubuhkan dan bolehkah kita mendapatkan butir-butir mengenai perkara ini atau sampai sekarang belum ada apa-apa keputusan?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini masih dalam kajian lagi.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah jumlah pelajar yang sedang berdaftar dengan sistem PJJ ini dan adakah sistem ini juga terdapat di tempat-tempat di luar bandar?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kalau minta angka, saya perlukan notis.

TELEFON BIMBIT-JUMLAH LESEN

8. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berapa banyak lesen telefon bimbit yang telah dikeluarkan hingga hari ini, kepada siapa dan berapa banyak dari lesen ini telah ditarik balik ataupun digantung, sila nyatakan alasan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kementerian telah mengeluarkan 8 lesen telefon bimbit kepada syarikat-syarikat seperti berikut:

Telekom Malaysia Bhd.;

Mobicom Sdn. Bhd.;

Binariang Communication Sdn. Bhd.

Sapura Digital Sdn. Bhd.;

MRCB Telecommunication Sdn. Bhd.;

Mutiara Telecommunication Sdn. Bhd.;

2 lesen kepada Cellular Communication Network (M) Sdn. Bhd.;

— (1 untuk ART900 dan 1 untuk GSM)

Kesemua lesen yang dikeluarkan tidak pernah ditarik balik ataupun digantung.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar oleh kerana banyak lesen dikeluarkan untuk telefon bimbit bahawa ada masalah over capacity dan sebenarnya apabila Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos diberi jawatan yang baru selepas pilihanraya besar, beliau ada berkata bahawa beliau akan mengadakan satu overhaul dalam sistem telekomunikasi khasnya mengenai connectivity supaya tidak ada wastage dalam telekomunikasi dan dalam bulan lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebenarnya telah dijadualkan untuk mengumumkan satu dasar telekom yang baru tetapi oleh kerana tidak boleh mencapai persetujuan mengenai connectivity, pengumuman itu ditundakan. Bolehkah kita mendapat gambaran bagaimana masalah ini akan diatasi?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berpendapat bahawa 8 pengusaha dalam perkhidmatan telefon bimbit ini adalah mencukupi dan bukan melebihi, kerana mengikut jangkaan masa panjang, jangkaan jumlah pengguna telefon bimbit sehingga tahun 2000 adalah dalam lingkungan 2 juta jika dibandingkan dengan 800,000 yang ada pada masa sekarang. Secara global perkhidmatan telefon bimbit dijangka akan bersaing dengan telefon biasa (fixed telephone) di mana dijangka 50% jumlah pengguna telefon pada keseluruhannya adalah terdiri daripada pengguna telefon bimbit dan mengikut Dasar Telekomunikasi Negara ratio antara bilangan telefon dan jumlah penduduk ialah 50:100 orang pada tahun 2020 yang dibandingkan dengan ratio sekarang ialah 15:100. Apa yang saya maksudkan ialah memang ada

potensi untuk diterokai oleh pengusaha-pengusaha yang ada sekarang.

Menjawab soalan lain yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong khususnya tentang mengelakkan daripada wastage dalam investment ataupun duplikasi dalam investment khususnya dalam bidang mengadakan equipment, maka satu kajian semula rasionalisasi pemberian lesen perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi di negara ini telah pun dijalankan. Dalam kajian yang saya sebutkan ini Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah membuat satu perbezaan di antara rangkaian infrastruktur dengan perkhidmatan telekomunikasi. Pengusaha rangkaian infrastruktur tidak semestinya mengadakan perkhidmatan dan sebaliknya pengusaha perkhidmatan telekomunikasi tidak semestinya membina rangkaian infrastruktur, iaitu kita akan menggalakkan kerjasama dan penyelarasan yang lebih erat di antara pengusaha-pengusaha yang ada sekarang supaya jangan menduplikasikan investment atau pelaburan khususnya dalam equipment.

Hasil kajian semula menunjukkan bahawa kerajaan perlu mengawal dan menghadkan pengusaha bagi perkhidmatan telekomunikasi dan rangkaian infrastruktur yang utama dan penting yang saya sebutkan tadi. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berpendapat bagi pengusaha-pengusaha yang masih belum beroperasi dalam semua katogori perkhidmatan adalah digalakkan untuk tidak meneruskan rancangan pelaksanaan dan sebaliknya menggunakan rangkaian infrastruktur yang sedia ada untuk menyediakan perkhidmatan masing-masing.

Maka kita menggalakkan inter-connection di antara satu sama lain supaya jangan ada wastage dalam pelaburan. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Nyatakan.....

Dato' Chan Kong Choy: Perkara ini masih dalam kajian oleh kementerian.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Oleh kerana wujud banyak pemegang lesen telefon bimbit. Maka perkara ini telah pun menimbulkan masalah keuntungan dan kerugian kepada Telekom, iaitu syarikat dimiliki oleh kerajaan. Apakah rasional dan adakah kerajaan membuat kajian menyeluruh terhadap Telekom, sebelum lesen-lesen telefon bimbit ini dikeluarkan secara banyak, yang pertama.

Yang keduanya, adakah kerajaan mempunyai satu sistem kawalan untuk melindungi pengguna-pengguna telefon bimbit. Adakah satu bentuk undang-undang untuk melindungi pengguna-pengguna telefon bimbit yang sekarang ini berhadapan dengan masalah cloning, masalah di mana pihak-pihak penjenayah telah pun memecahkan kod pemilik-pemilik telefon dan telefon mereka digunakan secara wenang, dan apabila diketahui, cukup bulan baru dia tahu telefon dia digunakan oleh orang lain. Sebagai contoh, peribadi saya sendiri kena. Dalam dua minggu saya menerima bil lebih kurang RM3,600. Apabila saya menyiasat, kita tidak mempunyai perlindungan langsung dari segi undang-undang. Adakah kerajaan bercadang untuk melihat keadaan ini dengan serius?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, sebelum pihak kementerian

memberikan lesen kepada pengusaha-pengusaha telefon bimbit, memang kita mengadakan satu kajian keseluruhannya. Untuk melindungi pengguna telefon bimbit yang menghadapi masalah, pihak-pihak pengusaha telah pun dinasihatkan supaya mencari jalan untuk membawa teknologi yang terkini supaya tidak senang dicuri oleh orang lain. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Telekom Malaysia Bhd. telah pun mengadakan satu sistem yang dikenali sebagai sistem 'PIN'. Dengan menggunakan sistem PIN ini, memang payah ataupun sukar bagi orang lain untuk mencuri talian atau telefon bimbit yang dipunyai oleh seseorang ini. Dengan menggunakan teknologi baru yang dikenali sebagai teknologi digital, memang sekarang kita sudah mula migrate dari teknologi analog ke teknologi digital. Dengan proses ini, memang susah bagi orang lain mencuri telefon bimbit ini.

Maka dengan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, memang kepentingan pengguna telefon bimbit akan dilindungi. Mereka yang menghadapi masalah, misal kata Yang Berhormat, kalau sekiranya dapat bil pada hujung bulan yang dianggap tidak munasabah, Yang Berhormat boleh mengemukakan aduan kepada pihak kementerian ataupun syarikat yang berkenaan dan perkara ini akan diambil secara serius. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) : Yang Berhormat Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim.

(Soalan No. 9—Y.B. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim tidak hadir)

**PROGRAM PERUMAHAN
UNTUK RAKYAT TERMISKIN**

10. Dato' Haji Zakaria bin Said minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa jumlah sebenarnya penduduk-penduduk miskin di seluruh negara;
- (b) tidakkah kerajaan bercadang membina rumah PPRT yang lengkap dengan segala kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik dan tandas yang sempurna; dan
- (c) setakat hari ini, berapakah jumlah penduduk yang dianggap miskin telah dinaikkan ke taraf yang lebih sempurna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Menurut kajian pendapatan isi rumah tahun 1992, keluarga miskin yang telah dikenal pasti adalah berjumlah 517,000 bagi seluruh negara.
- (b) Di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin, program pemulihan rumah merupakan salah satu program bagi meningkatkan kualiti hidup keluarga termiskin. Program ini bertujuan untuk menyediakan rumah asas yang lebih baik dari rumah asal mereka. Bagi memperbaiki keadaan ekonomi mereka, mereka diberi peluang untuk menyertai program pendekatan

ekonomi yang akan membolehkan mereka memperoleh pendapatan untuk menampung keperluan seharian termasuk kemudahan air, bekalan elektrik dan tandas. Dengan cara ini, keluarga termiskin akan dapat hidup berdikari.

- (c) Kadar kemiskinan di negara kita telah dapat diturunkan dari 42.2% pada tahun 1976 kepada 13.5% pada tahun 1993.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada bantuan kerajaan kepada rakyat termiskin, tidakkah ada rancangan kerajaan untuk menjadikan keluarga-keluarga miskin ini sebagai keluarga angkat kepada ahli-ahli korporat yang berjaya, atau pun syarikat-syarikat yang berjaya, itu soalan pertama.

Soalan yang kedua, di kawasan-kawasan, terutama sekali kawasan saya, ada perancangan penempatan semula rakyat termiskin (PPRT), diadakan satu perkampungan khas. Tidakkah ada rancangan kerajaan supaya mengadakan di tempat-tempat berdekatan dengan penempatan ini industri kecil atau sederhana. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai sama ada kita hendak mengadakan keluarga ini sebagai keluarga angkat kepada korporat yang berjaya memang kementerian sekarang sedang menimbangkan berbagai-bagai pendekatan bagaimana kita dapat

melibatkan keluarga-keluarga termiskin ini dalam berbagai-bagai kegiatan. Kita pandang keluarga korporat yang telah berjaya telah dapat membantu kita, dan ini akan kita kaji dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Mengenai rancangan penempatan semula sama ada kita hendak menempatkan tapak-tapak industri kecil dan sebagainya, memang dalam program kita untuk membasmi kemiskinan dalam Rancangan PPRT kita, satu pendekatan adalah industri kecil, kita menghendakkan mereka ini melibatkan diri dalam ekonomi yang boleh berdaya maju dan sebagainya. Oleh yang demikian, kemudahan-kemudahan yang ditanya oleh Yang Berhormat ini akan disediakan.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Soalan tambahan. Adakah kementerian bercadang untuk menolong membina rumah PPRT kepada penduduk termiskin yang bermastautin jauh dari bandar seperti di kawasan luar bandar ataupun di kawasan hulu-hulu sungai. Jika ada, bilakah cadangan ini dapat dilaksanakan. Jika tidak, kenapa tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat masih ingat mengenai beberapa program PPRT kita. Di antara program PPRT adalah untuk menyediakan rumah. Kita tidak memilih sama ada mereka ini duduk di mana tempat, kerana rancangan kita ialah untuk menyelesaikan masalah rakyat termiskin ini sama ada di bandar ataupun di luar bandar, ataupun di pedalaman di Sabah dan Sarawak.

JARING—KADAR BAYARAN PERKHIDMATAN

11. Tuan Fu Ah Kiow minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) bilangan pelanggan yang telah didaftarkan untuk menggunakan perkhidmatan 'JARING' atau internet; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang mengurangkan kadar bayaran sebulan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Abu Bakar bin Daud): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menjawab soalan,

- (a) jumlah pelanggan JARING pada 15hb Ogos 1995 ialah 6,692 yang terdiri daripada 1,436 orang pelajar, 4,177 orang perseorangan lain dan 1,079 buah organisasi.
- (b) setakat ini kerajaan belum bercadang untuk mengurangkan kadar bayaran tahunan JARING memandangkan kadar bayaran sekarang adalah antara yang terendah berbanding dengan negara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk generasi baru bolehlah mengambil sepenuh bahagian dan manfaat daripada teknologi maklumat untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menyertai JARING dan Internet, oleh kerana bila dibandingkan dengan negara-negara yang lain kita sangat ke belakang. Iran yang baru

beberapa bulan memperkenalkan Internet, sudah ada 30,000 pengguna-pengguna. Kalau kita lihat ini mungkin tak sampai 10,000 pengguna-pengguna (users) berbanding dengan 'subscribers' dan di Singapura lebih daripada 40,000 pengguna-pengguna Internet di mana ada satu kempen, program khas untuk menggalakkan penggunaannya.

Yang kedua, hari Jumaat lalu, Ahli-ahli Parlimen DAP ada melawat MIMOS dan JARING ada berbincang dengan pegawai-pegawai JARING dan kita dapati bahawa untuk JARING, breakeven mungkinlah kalau dapat satu angka 50,000 'subscribers' boleh breakeven. Kalau begitu, kalau pada akhir tahun depan MIMOS ada menganggarkan bahawa akan mendapat 100,000 'subscribers' untuk JARING. Adakah rancangan untuk mengurangkan kadar bayaran yuran untuk JARING sekarang seorang individu RM350, mungkin boleh dikurangkan kepada RM200 seorang?

Dan akhirnya, adakah perancangan kerajaan untuk on-line? Bukan sahaja inter-departmental kalau kerajaan on-line di mana rakyat boleh berhubung melalui surat menyurat dengan kerajaan dan dapat jawapan melalui 'E-mail'?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang ada cadangan untuk menggalakkan murid-murid dan penuntut-penuntut untuk membanyakkan Internet. Buat masa sekarang kita masih lagi di peringkat promosi, kita tidak jangka membuat keuntungan lagi dan kita harap apabila ianya bertambah nanti sehingga berpuluh ribu, beratus ribu, ini mungkin akan dikurangkan.

Menjawab soalan yang ketiga tadi, kerajaan belum bercadang lagi untuk mengadakan perkhidmatan 'E-mail' antara jabatan kerajaan dengan orang-orang perseorangan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Tuan Yang di-Pertua, sistem JARING melalui 'world wide web' membekalkan segala-galanya kepada orang yang boleh mendapat access. Dan di Amerika, mereka pun berhadapan dengan masalah iaitu masalah nilai (values), oleh kerana sistem JARING ini membekalkan daripada maklumat sehingga kepada pornography, cyber sex, dengan izin, dan segala-galanya.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam kita mahu menjangkau alam kemajuan ini, sebagaimana yang tidak boleh dielakkan, adakah kementerian mempunyai satu sistem ataupun MIMOS yang dipertanggungjawabkan mempunyai satu cara untuk sensor dengan cara apa sekali pun, oleh kerana apa yang saya lihat pengguna yang paling banyak adalah pelajar. Jadi, bagaimanakah kita hendak sensor perkara ini? Itu soalan yang pertama.

Yang keduanya, sistem JARING ini juga membabitkan masalah 'telecommunications' iaitu perhubungan telekomunikasi. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu polisi untuk mengawal masalah pengguna-pengguna JARING ini, di mana masalah perlindungan pengguna dan sebagainya boleh dijadikan satu dasar supaya tidak ada perkara yang berbangkit yang membabitkan masalah perundangan di masa yang akan datang.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kerajaan berada dalam dilema, kerana ada kaitan misalnya 'new playboy', macam 'cyber porno' dan macam-macam lagilah. Jadi, perkara ini baru, kita akan mengkaji kerana ini terlampau advanced. Insya-Allah barangkali perkara-perkara yang semacam ini kita akan lihat supaya maklumat ini akan dapat dikawal, dicover dari semua aspek.

**BANGUNAN SEKOLAH
RENDAH/MENENGAH—
PRESTASI PENYELEWENGAN**

12. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerianya sedar bahawa prestasi kerja yang telah dibuat ke atas penyelenggaraan dan pembaikan Bangunan Sekolah Rendah dan Menengah tidak memuaskan pihak Lembaga Pengurusan Sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri dan jika sedar apakah langkah konkrit yang akan diambil di masa akan datang supaya pembaziran wang negara tidak berlaku dan matlamat kementerian dapat dicapai sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari maklum balas yang diterima dari Lembaga Pengurusan dan Jabatan Pendidikan Negeri-negeri, memang ada terdapat ketidak-puashatian terhadap kerja-kerja yang dilakukan di beberapa sekolah yang terlibat dalam program penyelenggaraan sekolah-sekolah yang dilaksanakan oleh pihak JKR.

Bagaimanapun, adalah tidak dinafikan juga bahawa program yang telah dilaksanakan itu telah memberi manfaat kepada sebahagian besar sekolah-sekolah di seluruh negara.

Bagi membelanjakan peruntukan ini dengan lebih berkesan lagi di masa-masa akan datang, maka kerja-kerja akan dirancang dengan lebih kemas dan teliti serta dilaksanakan dalam satu jangka waktu yang lebih munasabah yang akan ditentukan oleh kementerian.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, apakah sebab pembaikan bangunan-bangunan sekolah dan rumah-rumah guru begitu teruk sekali terutama di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua ialah adakah kementerian bercadang untuk membina lebih banyak bangunan-bangunan sekolah untuk mengganti ataupun menambah bangunan-bangunan sekolah di luar-luar bandar dan juga rumah-rumah guru semasa Rancangan Malaysia Yang Ketujuh?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi, kita mengaku ada kekurangan-kekurangan dan kita mencari jalan bagaimana hendak mengatasi kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan itu.

Bahagian yang kedua, memang Kementerian Pendidikan akan menambah program-program ataupun projek-projek untuk menyediakan lebih banyak lagi rumah-rumah guru yang kita fikirkan lebih sesuai, lebih selesa, bagi menampung pengesalan-pengesalan yang dihadapi oleh guru-guru sekarang ini.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah soalan.

**KERETA TERPAKAI—
KENAIKAN HARGA**

13. **Tuan Hamzah bin Ramli** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan supaya pengedar-pengedar kereta terpakai tidak memanipulasikan harga-harga kereta terpakai khususnya seperti kereta Proton Iswara, Proton Satria dan Perodua Kancil kerana jelas didapati kereta-kereta ini dijual lebih mahal dari harga kereta baru yang dikeluarkan.

Tindakan mereka ini secara tidak langsung telah meningkatkan kadar inflasi terhadap pengguna kenderaan. Susulan dari itu apakah garis panduan bagi memastikan gejala ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa hadapan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Tuan Tan Chai Ho): Tuan Yang di-Pertua, perintah kawalan harga iaitu perantaraan harga oleh penjual runcit 1993 telah diwujudkan untuk mewajibkan semua barang-barang termasuk kereta terpakai yang dijual diletakkan tanda harga. Dengan berkuatkuasanya perintah ini, pembeli-pembeli kereta dapat meneliti harga kereta menggunakan kebijaksanaan dan membuat perbandingan sebelum membuat pembelian.

Dalam siasatan yang dijalankan didapati kereta-kereta nasional yang terdapat di premis pengedar-pengedar kereta terpakai adalah kereta milik individu yang telah dikeluarkan kepada pengedar-pengedar berkenaan dan bukannya kegiatan sendiket yang dirancang. Pengedar-pengedar ini mengeluarkan kereta terpakai dengan harga yang lebih daripada harga kereta baru kerana adanya pengguna-pengguna yang tidak sabar menunggu giliran bagi membeli kereta baru dan sanggup pula membayar harga yang lebih. Selagi ada pengguna yang sedemikian, fenomena ini akan terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini kementerian ingin mengingatkan pengguna-pengguna supaya tidak tunduk kepada kehendak pengedar-pengedar kereta terpakai dengan mengelakkan diri dari membeli kereta terpakai dengan harga yang lebih dari harga kereta baru. Hanya dengan kerjasama dan ketegasan pengguna-pengguna sahaja, maka masalah ini akan dapat diatasi dan sekali gus menyumbang kepada hasrat kerajaan untuk mencapai kadar inflasi sifar.

Tuan Md. Isa Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kebijaksanaan kerajaan yang dapat dijelaskan bagi mempercepatkan pengeluaran kereta-kereta nasional yang baru memandangkan didapati ramai yang memohon untuk membeli kereta-kereta baru sanggup membayar lebih, sekalipun kereta yang akan dibelinya merupakan kereta 'second-hand'.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sambutan bagi kereta nasional adalah sungguh menggalakkan sehingga permintaan melebihi pengeluaran, oleh itu kementerian ini telah berbincang dengan syarikat-syarikat pengeluaran Proton supaya meningkatkan jualannya. Oleh itu, pada masa sekarang syarikat pengeluar Proton akan mendapat kereta Proton.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sibulah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sibulah!

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, sebab tadi saya dengar Sibulah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah bahawa pembeli-pembeli kereta nasional, digesa membeli aksesori pilihan supaya mereka boleh mendapat kereta baru dengan lebih cepat?

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan mengenai pembeli-pembeli kereta nasional akan mendapat kereta baru dengan lebih cepat jika mereka membeli aksesori pilihan adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada 6 jenis aksesori 'stated' yang telah ditetapkan oleh kerajaan, aksesori pilihan tidak boleh dipaksakan ke atas pembeli-pembeli kereta nasional.

**POST MORTEM MAYAT—
SYARAT PENGECUALIAN**

14. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang membolehkan pihak hospital melakukan postmortem/bedah siasat ke atas sesuatu mayat; dan
- (b) apakah syarat-syarat yang mengizinkan pewaris atau ahli keluarga si mati untuk memohon pertimbangan agar postmortem tersebut tidak dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pihak hospital melakukan 'post-mortem' atau bedah/siasat ke atas sesuatu mayat bagi kes-kes berikut—kes polis mengikut Kanun Acara Jenayah (CPC). Bagi kes-kes ini kebenaran waris tidak diperlukan. Kes-kes di mana waris sendiri memohon bedah/siasat dilakukan.
- (b) Syarat-syarat yang diminta tidak dapat dinyatakan kerana perkara ini di luar bidang kuasa kementerian. Pihak hospital melakukan bedah/siasat atas permintaan pihak Polis.

**INSURANS KERETA—BEBAN
DAN PENGANAIYAAAN**

15. Tuan Lim Si Cheng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah benar pemilik kereta-kereta yang melebihi sepuluh tahun dan ke atas harus membeli polisi insuran "Personal Accident" sebelum insuran kereta dapat diperolehi;

(b) jika benar, apa akan terjadi kepada pemilik-pemilik yang berusia enam puluh tahun dan mempunyai kereta yang melebihi sepuluh tahun dan ke atas walaupun kereta masih dalam keadaan yang baik atau "roadworth"; dan

(c) apakah dasar-dasar Kerajaan terhadap perkara ini, memandangkan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak mempunyai sebarang peraturan atau kaedah di mana pemilik kereta-kereta tersebut wajib membeli insuran tambahan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat pemilik-pemilik kereta tanpa mengira usia kenderaan tersebut tidak perlu membeli insurans bukan motor untuk mendapatkan insurans kereta. Syarikat-syarikat insurans tidak sepatutnya memaksa pemilik-pemilik kenderaan membeli insurans kemalangan diri atau lain-lain polisi bukan motor untuk mendapatkan polisi kenderaan.

Pada 7 Disember, 1991 Bank Negara telah pun mengeluarkan garis panduan yang antara lain mengarahkan syarikat-syarikat insurans tidak memaksa orang ramai supaya membeli polisi bukan motor sebagai syarat untuk mendapatkan polisi motor. Oleh yang demikian, bagi pemilik-pemilik kenderaan yang telah dipaksa oleh egen-agen syarikat insurans supaya membeli insurans bukan motor, kerajaan menggalakkan mereka supaya melaporkan perkara tersebut kepada syarikat insurans berkenaan dalam tempoh 30 hari tarikh pengeluaran nota perlindungan dan menyertakan dokumen asal sebagai bukti pembayaran.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ada terdapat pemilik-pemilik kenderaan yang menggunakan 'cover insurance' semasa mereka memperbaharui lesen cukai jalan, maka adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan 'on-line centralised insurance database system' untuk membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan membuat pengesahan di atas kesaihan 'cover note' insurans tersebut semasa mereka memperbaharui lesen jalan?

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menyediakan untuk kemudahan sistem 'on-line centralised insurance database' yang diajukan oleh Ahli Yang Berhormat sedang dikaji dan diteliti oleh Bank Negara Malaysia dengan kerjasama lain-lain pihak yang berkenaan.

Memandangkan pelaksanaan sistem tersebut akan melibatkan kos yang tinggi, kajian yang teliti harus dibuat terlebih dahulu sebelum ianya dapat dilaksanakan. Oleh kerana itu, kemungkinan untuk menyediakan pilihan bagi sistem-sistem lain yang boleh mengatasi masalah pemalsuan nota perlindungan insurans juga sedang dibuat.

Tuan Haji Husni bin Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki industri insurans, khususnya insurans kenderaan yang bermasalah terutamanya yang berkaitan dengan premium leakages, dengan izin, fault cover-note dan penyelesaian NCB claims.

Dr. Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, dalam mencapai usaha-usaha tersebut, saya rasakan Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan beberapa garis panduan kepada industri, termasuk garis panduan mengenai:

- (i) Bayaran tambahan premium motor 'loading';
- (ii) Garis Panduan untuk membasmi penipuan dan insuran motor; dan
- (iii) Garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan.

Jadi, kalau Yang Berhormat hendakkan garis panduan itu bolehlah saya beri di luar dewan. Sejak penubuhan Pakatan Motor Berisiko Tinggi, atau dengan izin, High Risk Motor Insurance Pool (HRMIP) pemilik-pemilik kenderaan yang menghadapi masalah untuk mendapatkan perlindungan insurans di pasaran insuran biasa, juga kini boleh menghubungi HRMIP yang terdiri daripada semua syarikat insurans am yang berdaftar dan bertindak sebagai syarikat insuran terakhir ataupun yang dikatakan dengan izin, Insurer of Last Resort, untuk mendapatkan perlindungan insurans motor.

Berhubung dengan masalah premium leakages ataupun fault cover-notes tadi, Bank Negara Malaysia melalui garis panduannya telah memperkenalkan pengawalan yang lebih ketat ke atas notis perlindungan ataupun cover note. Berkaitan dengan masalah diskaun tanpa tuntutan (NCB)

adalah dimaklumkan bahawa norma insurans motor yang dikeluarkan pada Persatuan-persatuan Insurans Malaysia, (PIAM) telah menetapkan bahawa surat pengesahan NCB harus diberi kepada pemegang polisi atau syarikat insurans yang memohon dalam tempoh lebih kurang sebulan seperti mana yang saya katakan tadi.

**PENGUATKUASAAN UJIAN
"BREATHANALYZER"—
KEBERKESANAN**

16. Tuan Vincent Lim Kuo Pha minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) setakat manakah penguatkuasaan ujian "breathanalyzer" ke atas pemandu yang minum arak telah berkesan semenjak ia bermula pada 1hb Julai 1995; dan
- (b) sejauh manakah usaha menjadi ujian tersebut wajib satu pelanggaran hak kebebasan individu; dan
- (c) jika seseorang itu enggan mengambil ujian tersebut, apakah tindakan yang akan diambil ke atas individu tersebut dan apakah denda yang dikenakan itu akan menjadi lebih berat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi tempoh 1hb. Julai 1995 hingga 18hb Ogos 1995, seramai 4,963 pemandu diuji dan seramai 241 daripadanya telah dikesan memandu di bawah pengaruh alkohol melebihi had yang dibenarkan. Dalam hubungan ini, kerajaan berpuas hati keberkesanan penguatkuasaan perundangan ini.

Menurut kajian peringkat awal, didapati kemalangan di waktu malam telah pun dikurangkan jika dibandingkan dengan tahun yang lepas.

- (b) Soal pelanggaran hak kebebasan individu tidak timbul dalam penguatkuasaan perundangan larangan memandu di bawah pengaruh alkohol ini. Semua pemandu kenderaan adalah bertanggungjawab ke atas keselamatan bukan sahaja diri sendiri malah pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Perundangan ini adalah satu pendekatan dalam usaha memastikan jalan raya adalah selamat digunakan sekali pun terdapat sebilangan pemandu yang menggunakan jalan raya tersebut adalah mereka yang meminum alkohol. Ianya tidak bertujuan menyekat kebebasan mereka ini tetapi adalah untuk melindungi kepentingan kesemua pengguna-pengguna jalan raya termasuk mereka sendiri.
- (c) Seseorang yang enggan menjalani ujian adalah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 45B(4) sekiranya dilakukan di jalan-jalan awam dan sekiranya keengganan itu dilakukan di balai polis, kesalahan adalah di bawah Seksyen 45C. Denda bagi kedua-dua kesalahan di atas adalah sama seperti mana denda bagi kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol iaitu denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah dengar tadi, dimaklumkan tentang ulasan tiga perkara yang dibangkitkan. Namun demikian, kita masih lagi dengar dan melihat pertambahan yang demikian meningkat tentang kemalangan di jalan raya. Adakah kerajaan bercadang sama ada kemalangan ini berasaskan kepada minum arak ataupun asas-asas yang lain, kerajaan hendak menambahkan denda yang dikenakan supaya akan lebih berat. Contohnya di negara Barat, kalau ada kesalahan yang tertentu, tidak dibenarkan memandu hingga setahun. Adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan atau menambahkan denda seperti yang saya katakan tadi?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rompin, memang kerajaan sedar bahawa kemalangan kita meningkat setiap hari tetapi ini bukan semua kerana kes-kes yang melibatkan pemabuk-pemabuk yang membawa kereta. Ada banyak lagi sebab-sebab yang mana kemalangan berlaku. Pada hari ini, kita dapat melihat negara kita mempunyai 7.2 juta pemandu kenderaan yang berlesen.

Oleh yang demikian, kerajaan sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kemalangan yang kian meningkat dan peraturan-peraturan membawa kereta di dalam pengaruh alkohol ini, kerajaan telah pun mewujudkan peraturan iaitu "breathanalyzer" dan seperti saya katakan tadi, mengikut kajian peringkat awal di waktu malam, kemalangan telah pun kurang jika dibandingkan dengan tahun lepas dan tidak lama lagi, kemungkinan kerajaan akan memperkenalkan satu sistem pemandu yang mempunyai lesen pra-syarat.

Dalam perkataan lain, Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang telah layak memegang lesen memandu kereta, maka lesen yang diberikan adalah lesen dengan pra-syarat iaitu dalam masa 2 tahun, jika didapati tidak melakukan sebarang kesalahan, lesen itu terus akan diberikan pengesahan. Jika dalam 2 tahun pemegang lesen ini melakukan sebarang kesalahan, mengikut peraturan lesen pra-syarat, pemegang lesen ini harus juga memegang lagi lesen dengan lanjutan pra-syaratnya lagi 2 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 5, 9 dan 17 hingga 89 dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Krisis Badan Kehakiman Mengenai Integriti dan Keadilan Sistem Kehakiman

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 dengan ini diberi notis bahawa saya ingin mengusulkan yang berikut:

"Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang Ahli Parlimen merangkap Ahli Parlimen Kawasan Tanjong, Yang Berhormat Lim Kit Siang untuk menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai

yang berkehendak disegerakan iaitu krisis terbaru badan kehakiman mengenai integriti dan keadilan sistem kehakiman semasa mengendalikan pertikaian komersial atas sebab-sebab berikut:

- (i) Pada 20hb Ogos 1995, *Sunday Star* di dalam laporan muka depannya di bawah tajuk, "Picky Lawyers—Counsel rapped for being choosy over judges" memetik Yang Arif Hakim K.C. Vohrah sebagai mengesahkan bahawa sungguhpun para peguam tidak boleh memilih hakim untuk kes-kes mereka tetapi praktik ini telah berlaku selama ini. Yang Arif Vohrah berkata demikian semasa berlakunya pertikaian undang-undang di antara East Asiatic Company dan beberapa syarikat milikan syarikat-syarikat MBF Malaysia di mana peguam untuk East Asiatic Company, Tommy Thomas berkata bahawa, dengan izin, "There would be anarchy if litigants were allowed to choosen judges and make applications which provide for similar effects before different judges".
- (ii) Pada 23hb Ogos 1995, *New Straits Times* membawa satu laporan di bawah tajuk "Bar Council voices deep shock over baffling events" dengan memetik Presiden Majlis Peguam, Hendon Mohamad sebagai melahirkan, dengan izin, deep shock atas perkara-perkara extra-ordinary di sekeliling kes Syarikat Air Molek Rubber Berhad dan

mengatakan bahawa, dengan izin, "They were a matter of grave concern to the commercial and corporate community and the public". Di dalam kenyataan akhbaranya, Hendon berkata, dengan izin, "The totally different views and comments of the Court of Appeal and the Federal Court raised very serious questions on the administration of justice in Malaysia.

These questions demand an answer as something is very wrong."

Kes Ayer Molek melibatkan tiga parti—Insas Berhad, Megapolitan Nominees Sdn. Bhd. dan Ayer Molek.

Pada 26hb Julai, Mahkamah Rayuan berkata, dengan izin;

"This is a case about an injustice which has been perpetrated by a court of law. This is also a case about abuse of the process of the High Court and, therefore, it concerns the inherent power which any court of justice must possess to prevent misuse of its procedure and in which the court has a duty to exercise this salutary power".

Mahkamah Rayuan juga berkata, dengan izin;

"This injustice is manifest, it is to be seen in the form in which the order is framed, the terms of which pre-empt the defendants from exercising their right to apply to discharge an ex parte injunction obtained behind the backs of

the defendants. Here, the plaintiffs through their legal advisers have abused the process of the High Court by instigating the injustice through misuse of the Court's procedure by manipulating it in such a way that it becomes manifestly unfair to the defendants. By doing what they did, these unethical lawyers have brought the administration of justice into disrepute among right-thinking people".

Bagaimanapun, di dalam keputusan pada 18hb Ogos, Mahkamah Persekutuan telah menterbalikkan keputusan Mahkamah Rayuan dan mengutuk Mahkamah Rayuan sebagai melakukan kritikan unwarranted and unjustified terhadap Hakim Mahkamah Tinggi yang pada asalnya telah mendengar kes berkenaan serta peguam plaintif.

Ketiga, *The Asian Wall Street Journal* dalam isunya pada 25hb – 26hb Ogos, 1995, telah melaporkan cerita muka hadapan di bawah tajuk, dengan izin, *Rulings Spark Controversy in Malaysia—Contradictory Court Orders in Share Dispute Lift Lid in Simmering Debate*". Ia berkata bahawa, dengan izin, "A controversy has erupted in Malaysia over the integrity of the country's judicial system in handling commercial disputes" dan bahawa perkara ini telah menarik perhatian pihak luar yang berniaga di Malaysia.

Laporan *The Asian Wall Street Journal* juga merujuk kepada satu kenyataan yang dibuat oleh pelapor khas atau special rapporteur mengenai kebebasan para hakim dan peguam untuk Jawatankuasa Hak Asasi

Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Param Cumaraswamy yang mengatakan bahawa beliau akan menyiasat aduan-aduan penuh tanda tanya mengenai keadilan Mahkamah Malaysia bagi pihak Jawatankuasa berkenaan.

Di dalam kenyataan beliau, Cumaraswamy berkata, "Aduan-aduan telah tersebar luas bahawa sesetengah litigants Malaysia, dengan izin, including those in the business and corporate sectors are manipulating the Malaysian system of justice and thereby undermining the due administration of independent and impartial justice by the courts".

Keempat, isu mengenai integrity, keadilan dan kebebasan yang telah dibangkitkan oleh perkara-perkara dan perkembangan tersebut di atas merupakan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dan Parlimen akan jatuh dalam tugasnya sekiranya ia gagal menumpukan perhatian ke atas isu-isu ini secepat yang mungkin supaya dapat mencadangkan langkah-langkah untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap integrity, keadilan dan kebebasan kehakiman.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 28hb Ogos 1995, jam 8.00 pagi. Teks usul itu adalah seperti yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh majlis Mesyuarat hari ini, saya, sebagai Yang di-Pertua

hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat;

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tidak boleh dianggap sebagai perkara tertentu. Apa yang dikemukakan adalah sebahagian dari komen-komen oleh mahkamah-mahkamah, beberapa orang tertentu, majalah-majalah dan keratan-keratan surat khabar yang telah mengeluarkan fikiran atau kritik masing-masing. Kita tidak dapat memastikan kesahihannya.

Selain dari itu, ada pula yang berpendapat bahawa perkara seperti ini biasa berlaku di kalangan mahkamah-mahkamah yang ada kalanya mengeluarkan komen-komen yang berbeza, bukan sahaja setakat itu. Dan lagi, perkara ini pada fikiran saya tidak perlu disegerakan.

Perkara ini nyata adalah rumit dan dikehendaki penyelidikan dan tindakan yang setimpal. Jika sungguh pun apa yang dikatakan tiada keadilan itu berlaku, segala-segalanya hendaklah dibuat dengan teliti dan berhati-hati. Itulah sebabnya perkara ini tidak perlu disegerakan. Masih ada banyak masa lagi yang membolehkan perkara ini dibincangkan. Oleh yang demikian, saya menolak usul Yang Berhormat. (*Tepuk*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas Masalah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. (*24hb Ogos 1995*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita sambung, Yang Berhormat.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan masalah di penjara yang mengatakan terlalu sesak dalam penjara dan juga beberapa masalah yang lain. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, buat masa ini, ada kira-kira sejumlah 20,000 orang banduan yang telah ditempatkan di dalam kira-kira 23 buah penjara di seluruh negara.

Memang betul, buat satu ketika dahulu, memang terdapat masalah over crowdedness ini, dengan izin, dan buat masa kini, pihak berkuasa penjara sebenarnya telah dapat mengatasi masalah ini dengan mengadakan lebih banyak projek pembinaan dan pembangunan dan kita jangka apabila beberapa penjara baru dapat kita siapkan, terutamanya di Sungai Buloh, Pokok Sena dan beberapa buah lagi yang sedang dalam perancangan itu siap, boleh dikatakan masalah ini akan dapat dikurangkan kepada tahap minimum.

Mengenai masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Tanjong yang mengatakan ramai tahanan imigresen juga telah membebaskan penjara, langkah-langkah yang sesuai telah pun diambil mengenai perkara

ini di mana pihak penjara sedang berbincang dengan pihak berkuasa yang lain seperti Mahkamah., pihak polis dan sebagainya supaya perbincaraan itu boleh dicepatkan dan perbincangan dengan Jabatan Imigresen telah pun diadakan untuk mengusir ataupun menghantar balik mereka yang telah tamat tempoh hukuman di dalam penjara. Itu bukan satu masalah yang serius buat masa kini.

Yang Berhormat dari Tanjong juga menyebut tentang nampaknya Akta ini dia tidak nampak apa-apa yang menekankan pemulihan, hak asasi dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat semasa dia berbahas, dia belum membaca Akta ini, tetapi masa ini, saya menjawab pun, dia tidak minat. Saya hendak jawab pun dia tidak minat, jadi tak payahlah saya susah-susah! Nampaknya dia tak faham pemulihan dalam sistem kepenjaraan masa kini. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya sejak tahun 1992, pihak penjara telah memperkenalkan satu pendekatan yang baru, iaitu dengan izin, physco-social and integrated approach, di mana kita tekankan kaunseling, kita tekankan disiplin banduan, kita tekankan agama, kita tekankan akademik, kita tekankan kemahiran, kita tekankan sukan. Semua ini adalah satu pendekatan integrasi di mana seseorang banduan itu apabila dia keluar, personalitinya tentu akan berubah sekiranya mereka mengikuti semua program pemulihan itu.

Dari segi non-custodian sentences ataupun menghukum seseorang itu, kalau hukumannya pendek boleh dibenarkan bekerja di luar.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Marang minta jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Pemulihan ini bergantung kepada dua perkara. Yang pertama penjenayah, mereka yang melakukan jenayah yang dijatuhkan hukuman. Yang kedua, masyarakat. Maksud saya mereka yang bakal melakukan jenayah.

Dalam perkara yang pertama, sejauh mana berkesannya hukuman penjara ini supaya penjenayah-penjenayah tidak mengulangi kesalahan yang pernah dibuat? Yang kedua, terdapat hukuman yang dilakukan itu kadang-kadang tidak memberikan keinsafan dan tidak memberi kesedaran kepada bakal yang melakukan jenayah kerana jenayah bertambah. Ini menandakan pemulihan itu tidak dapat disempurnakan dengan secukup-cukupnya.

Tuan Ong Ka Ting: Memang sistem pendekatan yang saya baru terangkan itu salah satu tujuannya ialah untuk memastikan dan cuba membolehkan seseorang banduan itu insaf tentang kesalahan mereka dan supaya tidak mengulanginya. Semua ini memang salah satu tujuan pemulihan. Saya rasa pihak berkuasa sangat-sangat memandang serius tentang pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Marang tadi. Dari semasa ke semasa kita kemas kinikan undang-undang memang adalah untuk tujuan itu. Pada hal hari ini penggubalan Akta Penjara baru ini, salah satu tujuan besar ialah memperbaiki segala kelemahan kalau ada sejak dulu untuk menjadikan lebih berkesan sistem pemulihan kita supaya pihak pentadbiran penjara boleh menjalankan tugasnya dengan lebih licin. Pada masa dahulu banyak kelemahan, Ketua Pengarah Penjara tidak ada kuasa, beliau tidak boleh asingkan banduan mengikut kategori

yang sama. Saya ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat setuju tidak boleh kita campurkan semua banduan-banduan tanpa mengira apa kesalahan mereka dan apabila meletus sesuatu penyakit atau rusuhan, kita tidak boleh juga mengasingkan mereka mengikut kecenderungan dan sebagainya. Akta ini memperuntukkan semua kuasa itu untuk tujuan melicinkan lagi sitem ataupun program pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedang mengkaji tentang Community Services Order. Ini di bawah kementerian yang lain. Mereka sedang mengkaji. Kerajaan memang hendak mengadakan program untuk memulihkan mereka yang bersalah tetapi kesalahan itu kali pertama dan kesalahan itu hukumannya adalah ringan di mana tidak perlu menjalankan hukumannya dalam penjara tetapi boleh diberi pemulihan di luar dengan memberikan kerja community services. Itu memang dalam pertimbangan.

Saya rasa tidak ada banyak sangat perkara yang dibangkitkan. Cuma itu sahaja yang dapat saya menggulung di sini. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 68 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama hingga Jadual Ketiga diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1993 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Pada masa ini, Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Kemaman dan Pelabuhan Melaka tertakluk kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Dalam pengurusan operasi pelabuhan berkenaan, Kementerian Pengangkutan dan pihak pelabuhan-pelabuhan mendapati bahawa beberapa perkara perlu dipinda demi kelicinan pentadbiran serta kesesuaian dengan masa sekarang.

Setelah menyemak keseluruhan peruntukan di dalam Akta Lembaga Pelabuhan 1963, antara pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah seperti berikut:

- (i) Pada masa ini di pelabuhan-pelabuhan yang diswastakan, pengendali pelabuhan boleh mengemukakan cadangan pindaan tarif pelabuhan kepada Lembaga Pelabuhan yang mana keputusannya, adalah muktamad. Satu mekanisme dicadangkan di mana pengendali pelabuhan yang tidak berpuashati dengan keputusan Lembaga Pelabuhan untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif boleh merayu kepada Menteri Pengangkutan. Ini adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 16A(2A) yang dicadangkan.
- (ii) Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 16A(1) dan 16A(3) adalah untuk membetulkan nama Akta yang terdapat di kedua-dua seksyen ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 dan bukan Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1989 seperti yang tercatat sekarang.
- (iii) Jadual Pertama kepada Akta Lembaga Pelabuhan 1963 menyenaraikan pelabuhan dan Lembaga Pelabuhan yang diliputi oleh Akta Lembaga Pelabuhan 1963.

Peruntukan seksyen 47 memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong membuat perintah untuk menubuhkan suatu Lembaga Pelabuhan. Lembaga Pelabuhan yang telah ditubuhkan serta nama pelabuhan akan dimasukkan ke dalam Jadual Pertama. Bagaimanapun,

seksyen 47 tidak memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk membuat pembedaan kepada butiran dalam Jadual Pertama itu jika terdapat kesilapan. Dengan demikian, seksyen baru 47(1A) dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk meminda butiran dalam Jadual Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan 1963. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan perbelanjaan wang tambahan bagi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta untuk meminda Akta Pelabuhan 1963, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbahasan)

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)**

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PELABUHAN-PELABUHAN
(PENSWASTAAN)
(PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

4.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Melaka adalah tertakluk kepada Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 hanya meliputi pelabuhan-pelabuhan tertentu seperti yang tersebut di atas dan ianya disenaraikan dalam Jadual kepada akta ini. Selaras dengan program penswastaan kerajaan, beberapa lagi pelabuhan telah dikenalpasti untuk diswastakan. Untuk tujuan penyeragaman dari segi proses penswastaan dan juga kawalseliaan,

adalah dicadangkan pelabuhan-pelabuhan seperti ini juga diliputi oleh Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Peruntukan baru seksyen 2A membolehkan Menteri Pengangkutan meminda jadual tersebut untuk memasukkan nama-nama pelabuhan yang hendak diliputi oleh Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah saya sebutkan ini adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Senai.

4.05 ptg.

Tuan Lim Si Cheng (Senai): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta untuk meminda Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Terlebih dahulu, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan atas segala usaha yang dijalankan untuk memajukan dan menambahkan

kemudahan dermaga dan memperbaiki daya pengeluaran pelabuhan-pelabuhan di negara kita agar ia dapat memainkan peranan yang lebih menyeluruh dalam arus utama pembangunan perindustrian negara. Pindaan ke atas akta ini membolehkan kerajaan mengamalkan strategi yang lebih agresif dan teratur untuk memberi sokongan kepada sektor-sektor ekonomi negara demi mempertingkatkan kecekapan aktiviti-aktivitinya serta membenarkan pembangunan yang lebih tersusun pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara ini pelabuhan-pelabuhan telah memajukan peranan yang penting dalam membantu negara ini menjadi salah satu negara perdagangan yang terkemuka di dunia. Ini juga telah berperanan dalam memajukan pertumbuhan industri-industri yang berkaitan dengan perkapalan seperti penyelenggaraan dan perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan dengan pelabuhan seperti muatan dan pergudangan. Terdapat 6 pelabuhan di negara kita iaitu Kelang, Pulau Pinang, Pasir Gudang, Kuantan, Bintulu dan Kemaman yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Pelabuhan-pelabuhan yang lain di Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Selain daripada pelabuhan-pelabuhan ini terdapat pelabuhan-pelabuhan kecil dan juga jeti-jeti yang di bawah pentadbiran Jabatan Laut.

Perkembangan dan pertumbuhan pesat ekonomi negara jelas dicerminkan dalam pertumbuhan aliran muatan yang dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan ini. Hampir kesemua pelabuhan utama ini mengendalikan lebih daripada dua pertiga jumlah kargo negara menjadikan kesemua pelabuhan ini beroperasi pada tahap kapasiti maksimum. Oleh yang demikian, satu penilaian yang berterusan perlu

diadakan bagi mengawasi kebolehan dan keupayaan pelabuhan negara agar pelabuhan dapat mengendalikan hal-hal perdagangan dengan cekap dan cepat. Ini adalah kerana sebarang kelambatan dan kelembapan dalam pengendalian kargo akibat kekurangan dan ketidakupayaan kapasiti, ketidakcekapan beroperasi ataupun kemudahan fizikal yang tidak memadai menggunakan kos tambahan yang boleh menjejaskan daya saingan eksport negara.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kerajaan untuk memperluaskan Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990 untuk meliputi pelabuhan lain yang kecil serta memberi kuasa kepada menteri memasukkan nama-nama pelabuhan yang hendak diliputi oleh akta ini amat tepat sekali pada masa kini. Selain daripada bertujuan menyeragamkan proses penswastan dan kawal selia pihak berkuasa dapat mengendalikan segala aspek pelabuhan dengan cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, kepincangan dan rintangan yang dihadapi dari segi kapasiti di pelabuhan juga boleh akibat daripada kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem operasi pelabuhan. Kelemahan-kelemahan ini boleh dikenal pasti dengan menjalankan satu tinjauan mengenai prosedur-prosedur pelabuhan yang sedia ada. Tinjauan sedemikian akan dapat memberi gambaran yang lebih nyata di mana penggunaan infrastruktur yang sedia wujud dapat dinilai dan kelemahan-kelemahan dapat diperbaiki.

Selain daripada mengurangkan beban kewangan kerajaan, penswastan pelabuhan juga bertujuan mencapai tahap kecekapan dan daya pengeluaran yang lebih tinggi, melalui persediaan dan peruntukan insentif

yang lebih baik kepada para pekerja, serta mewujudkan suasana fleksibiliti yang lebih baik bagi memudahkan pihak pengurusan menjalankan tugas-tugas mereka serta membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan pelabuhan yang menyeluruh banyak bergantung kepada perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan yang sedia wujud di pelabuhan. Perkhidmatan-perkhidmatan ini ada berbagai dan ia termasuk memperbaiki kapal, bekalan dan mengering. Dari sudut perkhidmatan langsung kapal dan pengangkutan, muatan dan perkhidmatan pengangkutan daratan adalah faktor-faktor penentu kepada kedua-dua kapal dan pengangkutan kargo untuk bergerak melalui sesuatu pelabuhan.

Sesuatu pelabuhan yang hanya mempunyai kemudahan perkapalan yang asas, di mana kos pengendalian kargo adalah tinggi atau tidak mempunyai, dengan izin, volume cargo, akan menghadapi kesukaran menarik kapal-kapal singgah di pelabuhannya. Oleh yang demikian, usaha-usaha kerajaan untuk memudahkan dan menseragamkan proses penswastaaan amat dialu-alukan demi masa depan pelabuhan negara ini.

Pelabuhan negara sebagai pintu masuk aliran perdagangan antarabangsa perlu menyambut cabaran ini dengan mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti pelabuhan yang mencukupi untuk pengendalian jumlah kargo yang semakin meningkat. Satu pendekatan yang menyeluruh terhadap perkembangan dan pembangunan pelabuhan amat sesuai sekali dan tepat pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaaan) (Pindaan) 1995 yang telah dibentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

4.17 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan 'roh' atau semangat penswastaaan yang melanda semua sektor dewasa ini, maka harus ada continuity, dengan izin, dari segi dasar dan amalan untuk membolehkan tindakan yang diambil terlaksana dengan licin dan lancar. Langkah ini juga tampak dan memberi faedah yang lebih luas kepada sektor penswastaaan pelabuhan-pelabuhan di negara ini.

Dengan kemasukan seksyen 2A untuk membolehkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menambah atau meminda mana-mana peruntukan dalam Jadual, maka beberapa tindakan segera yang difikirkan munasabah dan viable, dengan izin, dapat dilaksanakan untuk lebih menjayakan segala komitmen pelabuhan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya seksyen baru ini akan menyaksikan peranan dan sumbangan pelabuhan di negara ini menjadi lebih aktif dan cergas, untuk turut memastikan pertumbuhan ekonomi negara dan iklim pelabuhan di negara ini dan hubungan pengeksportan dan pengimportan dengan negara-negara luar yang perlu kepada efisiensi, kemampuan, kecekapan bagi memindah barang-barang dagangan.

Selaras dengan hasrat untuk melihat sektor pelabuhan turut menyumbang secara lebih efisien, lebih positif terhadap perkembangan ekonomi, jadi, penswastaaan seperti ini akan menambahkan pendekatan kepada kemudahan pengangkutan dan efisiensi yang mana kita percaya penswastaaan akan memberi khidmat yang lebih baik dan mempunyai kakitangan yang lebih cekap.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila menjawab.

4.16 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Senai dan juga Yang Berhormat dari Larut yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) (Pindaan) 1995 yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Memang apa yang dihuraikan oleh kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat adalah benar, oleh kerana Kerajaan Pusat sedang giat dalam program-program penswastan yang telah membawa begitu banyak faedah kepada negara, maka pelabuhan-pelabuhan juga tidak dikecualikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, selepas tiga pelabuhan iaitu Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor diswastakan, kita dapat melihat prestasi yang dicatatkan oleh ketiga-tiga pelabuhan ini adalah amat ketara, sekali, khususnya bagi Pelabuhan Johor yang mana pada tahun yang lepas Pelabuhan Johor telah mencatatkan pertumbuhan-pertumbuhan kadar 41%, bagi Pelabuhan Pulau Pinang—18% dan Pelabuhan Klang—22%.

Dengan adanya program penswastan ini saya percaya dari segi menjimatkan kos—jimat banyak dan

juga dari segi memperluaskan kapasiti, saya percaya pihak-pihak swasta mempunyai kapasiti yang lebih luas, dari segi kecekapan pula memang lebih berkesan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh kedua-dua orang Yang Berhormat akan diambil kira oleh kementerian saya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak mahu berucap apa-apa? Tidak berucap sedikit?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ada, selepas ini saya akan berucap, bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang bacaan kali yang kedua, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Oh! terus bacaan kali kedua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1955 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1995 telah dikuatkuasakan sejak tahun 1955. Kementerian Pengangkutan dan pihak pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa peruntukan yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa sekarang.

Setelah menyemak keseluruhan seksyen-seksyen di dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 terdapat tiga perkara yang perlu dipinda iaitu:

- (a) pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 33A(1) dan 33A(3) adalah untuk membetulkan nama Akta yang terdapat di kedua-dua seksyen ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastan) 1990 dan bukan Akta Pelabuhan (Penswastan) 1989 seperti yang tercatat sekarang;

(b) mengadakan seksyen baru 33A(2A) di mana di pelabuhan yang telah diswastakan pengendali pelabuhan yang terkilan dengan keputusan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif pelabuhan yang sedia ada boleh merayu kepada Menteri Pengangkutan terhadap keputusan tersebut dan keputusan Menteri Pengangkutan adalah muktamad; dan

- (c) pada masa ini pengurusan pelabuhan kecil dan jeti-jeti adalah di bawah pentadbiran Jabatan Laut yang lebih cenderung kepada hal keselamatan maritim dan bukan aspek komersil.

Untuk mempertingkatkan lagi operasi pelabuhan-pelabuhan seperti ini, adalah dicadangkan supaya pentadbiran pelabuhan-pelabuhan itu diletakkan di bawah Lembaga pelabuhan yang sedia ada. Tindakan sedemikian menjimatkan kerajaan dari menubuhkan Lembaga pelabuhan berasingan bagi pelabuhan kecil dan jeti dan Jabatan Laut boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada hal keselamatan maritim. Dengan demikian dicadangkan memperuntukan satu Bahagian baru VIA untuk membolehkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Lembaga pelabuhan yang sedia ada di utara Semenanjung Malaysia memperluaskan fungsi kepada pelabuhan dan jeti-jeti lain di negeri-negeri utara.

Pindaan yang serupa pernah dilakukan kepada Akta Lembaga pelabuhan 1963 pada tahun 1985 di mana fungsi Lembaga Pelabuhan Kelang telah diperluaskan kepada Pelabuhan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara-perkara yang akan dipinda dalam Akta Suruhanjaya pelabuhan Pulau Pinang 1955. Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1995 ini tidak melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

4.24 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam satu Rang Undang-undang yang baru dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, secara am dan secara ringkasnya saya hanya mengutarakan beberapa hujah iaitu untuk mempergiatkan pembangunan pelabuhan di negara kita. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambah insentif-insentif kepada pembangunan pelabuhan tersebut? Seperti untuk Pelabuhan Pulau Pinang pada satu masa telah menikmati faedah-faedah free entreport. Adakah free entreport atau status free entreport ini akan dikembalikan kepada

Pelabuhan Pulau Pinang supaya ia boleh menjadi satu pusat pembangunan tiga segi IMT, negeri Thailand, Indonesia dan sebahagian utara Semenanjung Malaysia.

Saya rasa status free entreport adalah perlu supaya kita dapat berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan di negara-negara lain supaya kita tidak berkurangan dan negara-negara lain tidak mempunyai kelebihan daripada pelabuhan-pelabuhan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memandangkan kita sudah ada prasarana (infrastructure) yang memberikan kelebihan kepada kita kalau kita mengembalikan status free entreport, saya rasa ini akan memberikan satu booster, dengan izin, kepada volume yang dikendalikan oleh pelabuhan tersebut.

Selain daripada itu, saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri sama-sama kita mengimbas kembali kepada sejarah yang mana Yang Berhormat pun datang dari negeri yang sama dengan saya, saya rasa Yang Berhormat tentu sedar tentang peranan penting yang dimainkan oleh Pelabuhan Pulau Pinang pada masa lampau atau masa silam. Di zaman silam ini, saya rasa, kita boleh mengembalikan kedudukan yang kini dinikmati atau diduduki oleh negara Singapura yang menjadi pelabuhan terunggul di negara Asia dan juga satu daripada pelabuhan yang paling canggih, moden dan sibuk di dunia.

Saya rasa negara kita mampu berdaya saing dengan Singapura kalau kita melaksanakan dasar-dasar yang terbuka dan juga mengambil prinsip deregulation. Apa yang berlaku sekarang ialah terlalu banyak peraturan

yang timbul dalam pelabuhan-pelabuhan kita dan saya harap bahawa pihak kementerian boleh mengesyorkan kepada pihak kerajaan bahawa semua peraturan ini dikurangkan. Saya tidak nampak mengapa kita hanya tumpu kepada tiga pelabuhan sahaja sedangkan kalau kita mengimbas kembali kepada sejarah, Melaka pun pada satu masa menjadi sebuah pelabuhan yang amat masyhur yang terkenal di dunia.

Tentang perkara ini, saya rasa Yang Berhormat pun sedar bahawa Kerajaan Negeri Melaka memang tidak puas hati mengapa kementerian tidak mengambil berat tentang pembangunan Pelabuhan Tanjong Bidara. Adakah pihak kementerian mempunyai rancangan yang sama supaya pelabuhan di Melaka pun sama-sama dibangunkan?

Saya rasa Yang Berhormat lebih sedar tentang perkara ini daripada saya dan saya tidak tahu apakah usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat untuk membangunkan pelabuhan-pelabuhan yang mempunyai unsur-unsur sejarah ini seperti yang berlaku di Melaka.

Saya harap perkara ini boleh dijelaskan sekurang-kurangnya rakyat Melaka tahu apa Yang Berhormat telah buat untuk mereka. Saya rasa kalau dipulihkan kegemilangan yang pernah dicapai dalam 400 tahun lepas, Yang Berhormat sekurang-kurangnya sudah berbakti kepada rakyat Melaka tentang perkara ini.

Itulah yang saya hendak bangkitkan dan saya harap tentang deregulation yang saya sebutkan tadi, saya rasa pihak kementerian sedar tentang rungutan yang dibuat oleh pihak foliers, forwarders dan juga peraturan-peraturan yang melambat-lambatkan pengendalian container cargo. Sungguhpun pihak Kementerian Pengangkutan menyalahkan pihak

kastam, pihak kastam pula menyalahkan pihak pelabuhan, saya rasa perkara ini harus diatasi dengan seriusnya. Kalau boleh, bolehkah kita menubuhkan 'one-stop agency' atau agensi serenti supaya semua perkara ini boleh diselesaikan dan kita menuju ke arah pengendalian kontena dalam masa kurang daripada 24 jam. Saya tidak tahu sama ada ini merupakan satu target yang boleh dicapai oleh pelabuhan-pelabuhan kita.

Kalau kita tengok efficiency pelabuhan Singapura, memang mereka boleh mengendalikan kargo mereka dalam masa beberapa jam sahaja. Tetapi mengapakah kita tidak boleh mencapai standard atau tahap efisiensi seperti ini? Kalau kita benar-benar serius, kita boleh berdaya saing seperti yang saya katakan tadi dengan negara jiran kita seperti Singapura.

Tetapi untuk pelabuhan-pelabuhan di Pasir Gudang, misalnya, saya rasa kerana terlalu dekat dengan Singapura agak sukar untuk kita berdaya saing. Tetapi untuk pelabuhan-pelabuhan lain seperti di Pulau Pinang, memandangkan jarak geographynya agak jauh sedikit, saya rasa kita ada peluang sekurang-kurangnya menjadi satu pelabuhan yang lebih sibuk dan boleh menjadi lebih besar. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

4.30 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, fungsi dan tugas ataupun kuasa bidang penglibatan Suruhanjaya Pelabuhan di negara ini berkembang pesat selaras dengan perkembangan ekonomi negara ini yang segar dan rancak, khasnya pembangunan, perekonomian dan perindustrian di

sebelah Utara Malaysia. Peranan Suruhanjaya ini meliputi tugas menyelia dan menyelaras serta membangunkan sektor perkhidmatan pelabuhan bagi faedah masyarakat sama ada pengguna dan pelanggan tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sudah sekian lama wujud dan mengalami pelbagai peristiwa sejarah yang panjang selepas era kemerdekaan, era Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan kini bergerak menuju ke era abad 21, tentunya peranan dan sumbangan terhadap semua sektor amatlah luas dan wajar berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan Bahagian baru 6A untuk memberi Yang Berhormat Menteri kuasa memperluaskan segala bidang, kuasa Suruhanjaya kepada Pelabuhan Pulau Pinang khususnya dan pelabuhan lain amnya, menunjukkan kepentingan sumbangan sektor pelabuhan untuk membuat segala yang perlu bagi merubah daripada keadaan kurang berkesan kepada tahap yang lebih cemerlang dan membawa faedah yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu, saya melihat kemasukan subseksyen (2A) untuk membolehkan individu atau kumpulan yang tidak puas hati dengan keputusan Suruhanjaya, boleh merayu kepada Yang Berhormat Menteri untuk menyemak kadar dan keputusan yang dibuat supaya lebih adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta ini juga akan menyaksikan kemudahan pelabuhan bertindak sebagai pelabuhan bebas kepada pelabuhan-pelabuhan lain tanpa banyak halangan yang boleh membantut kelancaran fungsi dan

sumbangan mereka. Saya melihat pindaan ini akan membawa manfaat jangka panjang kepada semua sektor dan seterusnya kepada rakyat negara ini memandangkan pelabuhan merupakan salah satu pintu masuk utama ke negara ini. Imej pelabuhan yang baik tentunya akan memaparkan imej rakyat dan negara ini, negara yang harmoni, aktif dan dapat memperlihatkan satu situasi yang menyenangkan keadaan tempatan dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang memuji-muji pelabuhan-pelabuhan lain, kerana memang banyak orang memuji negara-negara lain, tetapi mereka masih tinggal di negara kita. Sekian, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

4.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini ada bersabit dengan penswastan Pelabuhan Pulau Pinang. Di sini saya rasa perlulah kita jelaskan kedudukan kakitangan-kakitangan dalam syarikat-syarikat atau lembaga-lembaga selepas penswastan. Oleh kerana baru-baru ini ada timbul satu masalah, satu isu yang menunjukkan bahawa kalau perkara ini tidak dijelaskan, kedudukan kakitangan-kakitangan tidak terjamin. Perkara ini berlaku dalam Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang, di mana dua orang kerani dalam tahun 1989 ada buat komplek terhadap Badan Pencegah Rasuah (ACA) mengenai salary irregularities superior mereka. Tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk dua tiga tahun. Tetapi pada tahun 1993, Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang meminta dan mendapat

salinan komplek kedua-dua kerani ini, Francis A. Staly dan Choy Kum Wah yang ada buat laporan kepada ACA mengenai salary irregularities pengurusan atasan, membekal salinan surat mereka kepada Lembaga, dan akhirnya tindakan-tindakan tatatertib diambil terhadap mereka, di mana bukan sahaja increment dibekukan untuk tiga tahun, tetapi juga mengalami pemotongan gaji mereka. Ini sangat tidak etika, melanggar peruntukan yang ada dalam Prevention of Corruption Act 1961 yang sangat nyata berbunyi, dengan izin, bahawa:

“No complain shall be emitted in evidence in any civil or criminal proceedings whatsoever, and no witness shall be applied or committed to disclose the name or address of any informer or state any matter which might leak to his discovery”.

Satu perlindungan terhadap sesiapa sama ada dalam mana-mana pertubuhan sama ada diswastakan atau tidak diswastakan daripada hakikat oleh kerana beliau ada buat laporan terhadap ACA. Tetapi di sini ACA tidak ambil tindakan, tetapi mendedahkan kedua-dua complainants ini terhadap proceeding tatatertib. Kalau Prevention of Corruption Act memperindungi complainants daripada prosiding sivil atau jenayah, bagaimana ACA boleh mendedahkan si complainants itu kepada tindakan departmental. Ini tidak etika, ini melanggar prinsip-prinsip, tetapi sampai sekarang tidak ada tindakan diambil. Saya tahu bahawa perkara ini pun sudah sampai ke peringkat atasan, sampai ke peringkat bukan sahaja menteri, tetapi sampai peringkat Jawatankuasa Kabinet, penyelewengan sampai peringkat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,

tetapi sampai sekarang sungguhpun ACA kata ada siasat dan laporan akan disiapkan minggu depan, ACA Director General, Dato' Shafie bin Yahaya yang berkata bahawa, dengan izin:

“The Anti Corruption Agency will finalised next week the report on the allegation that the officers informed on two Penang Port Labour Board's clerks who complaint against their superior”.

Saya harap perkara ini tidak akan berlaku, oleh kerana kalau perkara ini berlaku, bukan untuk mencegah rasuah, penyelewengan, tetapi untuk membela penyelewengan sahaja.

Saya harap apabila Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang diswastakan, bahagian yang diswastakan, perkara ini tentu tidak akan berlaku, dan dalam kes spesifik ini, ialah Francis A. Staly dan Choy Kum Wah bahawa tindakan diambil segera supaya tindakan departmental dibatalkan, oleh kerana ini tidak patut diadakan, dan mereka memiliki semua potongan gaji, bekuan increment semua dipulihkan dan satu pengajaran diberi kepada ACA supaya jangan menidakkan complainants kepada apa-apa hakikat kalau rakyat mahu terus mempunyai keyakinan terhadap ACA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau.

4.38 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah Pelabuhan Pulau Pinang dan sejarah Pulau Pinang adalah berkait rapat.

Tetapi masa telah beredar dan struktur ekonomi Pulau Pinang sendiri telah berubah. Tetapi walau bagaimanapun, Pelabuhan Pulau Pinang masih merupakan sebahagian yang penting di dalam negeri Pulau Pinang. Tetapi dengan peredaran masa ini juga corak atau bentuk pelabuhan dan tuntutan atas pelabuhan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelabuhan pun telah berubah. Jadi, sesuai dengan peredaran masa ini kerajaan telah memperkenalkan dasar penswastaaan pelabuhan. Hari ini antara perpindahan yang dicadangkan di sini ialah untuk memperluaskan fungsi Suruhanjaya. Jadi, dengan diperluaskan fungsi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan juga dengan dasar penswastaaan pelabuhan, saya berharap ada beberapa pandangan saya dapat dipertimbangkan dalam konteks ini.

Pertamanya, daripada menjadi sebuah pelabuhan yang membawa muatan pukal bab kargo, Pelabuhan Pulau Pinang oleh kerana tuntutan kegiatan ekonomi di Pulau Pinang dan juga di utara Senenanjung Tanah Melayu telah menimbulkan sebenarnya permintaan yang lebih kepada perkhidmatan kargo kontena. Oleh kerana demikian, kepentingan Pelabuhan Pulau Pinang itu telah bertambah daripada di sebelah pulau dan lebih kepada di sebelah Butterworth, di mana di sebelah sanalah dibinanya pelabuhan untuk mengendalikan kargo-kargo kontena.

Ada dua perkara daripada perubahan ini yang saya hendak timbulkan. Yang pertamanya, tentang kita rasakan kesesakan yang mengakibatkan mungkin kurang kecekapan dalam pengendalian kontena di sebelah Butterworth yang disebabkan oleh, pelabuhan kena diletakkan di sebelah sana kerana

pelabuhan sebelah sana lebih dalam daripada di sebelah pulau tetapi saya rasa terdapat satu kekurangan dari segi perancangan sebab terdapat satu 'traffic congestion', dengan izin, untuk trafik lori-lori, trailer kontena ini untuk bergerak daripada sistem Lebuhraya Utara Selatan kita kepada terminal-terminal kargo kontena yang dibina di sebelah Pelabuhan Pulau Pinang, di sebelah Butterworth. Jadi, saya harap dengan usaha penswastaaan dan juga luas kuasa bidang suruhanjaya ini perkara seperti itu dapat ditangani dengan lebih baik.

Sesungguhnya soal kecekapan mengendalikan kargo terutamanya dalam kargo bentuk kontena adalah satu soal yang penting jika Pelabuhan Pulau Pinang hendak menjadi satu entiti yang menyokong pembangunan ekonomi di Pulau Pinang.

Satu lagi perkara yang timbul dari segi perubahan dari segi muatan pukal kepada muatan kontena ini ialah dengan pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang lebih kepada di sebelah Butterworth maka pelabuhan asalnya di sebelah pulau Pulau Pinang bermula daripada Pangkalan Raja Tun Uda hingga ke Pangkalan Swettenham, nampaknya semacam terbiar. Misalnya, sejak tragedi jeti runtuh di Pangkalan Raja Tun Uda sehingga sekarang, terminal itu masih lagi dalam keadaan yang terbiar dan sebenarnya dari segi penyelesaian pengguna feri yang berjalan kaki, bukan naik kereta, saya rasa sepatutnya menjadi lebih selesa daripada apa yang ada sekarang. Sekarang ini, terminal yang digunakan untuk penumpang yang berjalan kaki adalah yang diubahsuai daripada yang hendak digunakan untuk kenderaan. Jadi, walaupun ada Jambatan Pulau Pinang sekarang ini yang digunakan oleh begitu ramai orang, terdapat juga

ramai pengguna perkhidmatan feri yang berjalan kaki. Jadi, kita rasakan mungkin sesuatu yang lebih baik akan dirancang untuk perkhidmatan feri selepas usaha penswastaaan dan juga dengan terpindanya Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini.

Jadi, bersangkutan dengan perkara yang sama, kita rasakan 'water front', dengan izin, pelabuhan lama di sebelah pulau termasuk Swettenham Pier dengan terminal Pangkalan Raja Tun Uda dan juga dia punya 'warehouse' yang di water front itu merupakan satu tempat yang berkait rapat dengan sejarah pembangunan ekonomi Pulau Pinang.

Jadi, kita harapkan dengan penswastaaan ini, sesuatu perancangan yang rapi dapat dibina untuk mencorakkan apa juga konsep pembangunan on the water front pelabuhan pulau di Pulau Pinang.

Itu sahajalah perkara yang saya hendak timbulkan daripada perhatian umum mengenai tanggungjawab Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

4.45 ptg.

Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana sampai masa dan memang tepat masanya akta ini dipinda khususnya Akta Suruhanjaya pelabuhan Pulau Pinang. Alasan yang ingin saya kemukakan ialah pertamanya, ianya dapat membantu, merencanakan lagi aktiviti ekonomi di wilayah utara khususnya yang berkaitan dengan IMTGT iaitu Pembangunan Segi Tiga Utara yang

melibatkan Utara Malaysia, Selatan Thai dan Utara Sumatra. Di samping itu ianya juga dapat memberi kemudahan kepada negeri-negeri di wilayah utara iaitu Utara Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Perkara yang kedua, alasan yang kedua, ianya baik dipinda pada kali ini ialah membantu untuk memberi kebebasan kepada Suruhanjaya Pulau Pinang dan juga memberi kuasa kepada Menteri bagi menimbangkan rayuan khususnya dari segi harga ataupun 'rate' bayaran yang dikenakan kepada pengguna.

Alasan yang ketiga, ialah dengan adanya pindaan ini akan dapat membantu mengurangkan kos pengangkutan kepada barangan sama ada yang dibawa masuk atau dikeluarkan melalui suruhanjaya ini ataupun melalui pelabuhan ini.

Perkara yang dibisingkan dari segi harga barangan di Pulau Langkawi, peniaga-peniaga mengatakan bahawa kos yang begitu tinggi untuk pengangkutan dan dengan sebab itu harga barang di Langkawi meningkat. Saya rasa dengan adanya pindaan ini akan memberi peluang kepada kementerian khususnya Menteri untuk menimbangkan dari segi kos pengangkutan barangan bagi mengurangkan harga barang-barang yang didakwa tinggi kerana kos pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan perkara ini, ada baiknya kalau dipertimbangkan oleh kerajaan untuk menambahkan lagi pelabuhan-pelabuhan kecil bagi mengurangkan ataupun 'to ease the congestion', dengan izin, di Pelabuhan Pulau Pinang dan juga Pelabuhan Bangkok. Kalau sekiranya, pelabuhan di Bangkok, pelabuhan darat dan sebagainya,

pelabuhan dalaman begitu sibuk, maka barang-barang yang daripada selatan Thai akan menggunakan kemudahan pelabuhan Pulau Pinang. Dan kalau juga Pulau Pinang berlaku kesesakan, maka diperlukan pelabuhan-pelabuhan kecil bagi membantu Pelabuhan Pulau Pinang. Maka saya syorkan pihak kerajaan menimbangkan mewujudkan beberapa feeder port bagi membantu 'congestion', dengan izin, ataupun kesesakan pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja pandangan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.50 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada empat wakil yang telah mengemukakan pandangan-pandangan sebentar tadi.

Pertamanya, saya ingin mengulas ucapan wakil dari Kota Melaka, walau pun beliau menyatakan bahawa beliau cintakan negeri Melaka, tetapi beliau nampaknya sudah keluar dari Dewan ini. Beliau mungkin suka bertanya tetapi tidak suka mendengar jawapan. Mungkin dia hendak mencari 'publisiti' supaya soalan beliau itu keluar dalam 'press'. Namun begitu, saya suka menyatakan kepada rakan dan sahabat saya, bahawa memang kerajaan mempunyai dasar yang jelas untuk menjadikan semua pelabuhan di Malaysia sebagai pelabuhan yang cekap, bukan sahaja di rantau ini bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Jika kita lihat dari segi prestasi pelabuhan-pelabuhan yang ada di rantau Asia ataupun di peringkat antarabangsa, kita lihat pelabuhan di

Malaysia seperti Port Klang adalah berada di bawah Singapura, Hong Kong dan juga Kowsheung dan kalau dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan di Eropah, pelabuhan kita di Malaysia, terutamanya 3 pelabuhan iaitu pelabuhan Kelang, Johor dan juga Pulau Pinang, adalah boleh dibanggakan kerana kita mempunyai kemampuan untuk bersaing, bahkan 'performance' kita lebih baik daripada pelabuhan-pelabuhan besar di Eropah, kecuali 3 yang ada di Asia seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi.

Untuk meningkatkan lagi efisiensi pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia, yang juga merupakan perkara penting bagi memastikan lebih banyak kargo datang menerusi pelabuhan kita dan bagaimana kita dapat menyelesaikan pemunggahan kargo ini dalam tempoh yang singkat. Di Singapura seperti yang dicontohkan tadi ia telah dapat mengambil masa dalam tempoh satu hari, namun begitu bagi kita di Kelang, Johor atau pun di Pulau Pinang, kita masih lagi belum dapat secepat yang berlaku di Singapura. Tetapi semua tindakan agensi-agensi sama ada agensi kerajaan mahupun sektor swasta telah pun digerakkan supaya menuju matlamat supaya kita juga boleh setanding dengan pelabuhan-pelabuhan yang utama di rantau Asia seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Kerana itu, antara tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah operasi cekap iaitu supaya semua kargo yang kita dapat dilakukan 'pre-clearance' dengan lebih awal.

Sehingga kini laporan dari semua pihak yang terlibat menggunakan pelabuhan kita, mereka amat berpuas hati mendapat lebih daripada 90% kepuasan. Tindakan Jabatan Kastam yang telah dapat membuat 'pre-

clearance' kepada kapal-kapal yang datang ke pelabuhan kita sebelum kapal itu tiba, barang-barangnya telah boleh di'clear'kan dahulu dan cukainya telah boleh dibayar terlebih awal. Dengan ini peningkatan kepada 'pre-clearance' ini semakin meningkat. Namun begitu kita masih lagi belum berpuas hati kerana ianya belum dapat diturunkan dengan kadar yang begitu cepat. Kita juga telah meminta atau pun menggalakkan semua mereka yang terlibat di dalam pengendalian kapal menggunakan sistem komputer 'information data' atau pun Computer Data Information (CDI) bagi membolehkan semua transformasi informasi dapat dilakukan dengan segera. Sebelum kapal bertolak informasi telah tiba di pelabuhan penerima. Misalnya kalau kapal dari pelabuhan Singapura datang ke Kelang yang memakan masa satu atau dua hari sahaja. Apabila CDI ini telah berjalan dengan sempurna, maka kita yakin pelabuhan di seluruh negara akan dapat berjalan dengan lebih berkesan, iaitu bagi memberi efisiensi dalam pemunggaan kargo kita.

Wakil dari Kota Melaka juga menyebutkan berkaitan dengan status Pelabuhan Pulau Pinang supaya dapat dijadikan pelabuhan bebas. Saya suka menyatakan, kita tidak menjadikan 'the whole island' sebagai pelabuhan bebas tetapi kerajaan sedang mengkaji status zon perdagangan bebas bagi Pelabuhan Pulau Pinang pada ketika ini. Dengan status ini kawasan pelabuhan dianggap sebagai satu kawasan di luar Malaysia. Pengeksportan dan pengimportan kargo di kawasan tersebut tidak akan dikenakan duti kastam. Pada masa ini hanya dua pelabuhan yang telah diberi status ini iaitu Pelabuhan Kelang dan juga Pelabuhan Johor. Ini sedang dipertimbangkan oleh kerajaan untuk

menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang juga sebagai zon perdagangan bebas iaitu di pelabuhan sahaja.

Wakil dari kota Melaka juga menyebut berkaitan dengan pembesaran Pelabuhan Tanjung Beruas tetapi beliau sebut Tanjung Bidara. Mungkin beliau tidak berapa cam tentang kedudukan Melaka yang sebenar. Sebenarnya Tanjung Bidara adalah tempat mandi-manda dan tempat melancong, manakala Tanjung Beruas adalah pelabuhan yang berstatus jeti tetapi kita di Melaka menyebut 'pelabuhan'. Jeti Tanjung Beruas telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat dan memang Port Kelang yang mengawas Pelabuhan Tanjung Beruas ini dalam tindakan untuk membina satu lagi dermaga iaitu yang perlu dibina oleh syarikat yang telah diswastakan dahulu yang telah termasuk di dalam syarat bahawa mereka perlu membina satu lagi dermaga yang melibatkan perbelanjaan lebih kurang RM25 juta dan ini sedang diambil tindakan. Kita berharap dalam tempoh terdekat ini, dermaga-dermaga ini dapat dibina dan apabila siap, maka Pelabuhan Tanjung Beruas akan dapatlah beroperasi dengan lebih baik lagi untuk kegunaan industri-industri, khususnya yang berada di Melaka.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada wakil Larut yang telah menyokong pindaan Akta ini dan saya bersetuju dengan pandangan beliau bahawa wakil pembangkang memang biasanya memuji negara lain. Walau pun negara kita membuat seberapa yang baik tetapi mereka masih juga memuji negara lain, khususnya Singapura. Sebab itulah sampai beliau sendiri tidak faham antara Tanjung Bidara dengan Tanjung Beruas kerana selalu berkiblatkan Singapura.

Wakil dari Tanjong juga telah menyebut berkaitan dengan penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang. Beliau membangkitkan dua insiden pekerja dahulu pada tahun 1980-an. Saya tidak bersetuju dengan pandangan beliau bahawa ACA ataupun Anti-Corruption Agency telah tidak menjalankan tugasnya dengan sempurna. Saya berpendapat tentu ada sebab-sebab mengapa ACA masih lagi belum melaporkan tindakan yang telah diambil sekiranya betul seperti apa yang dilaporkan oleh wakil dari Tanjong tadi. Bagi kes dua orang pekerja ini, saya suka memaklumkan bahawa tindakan yang telah diambil ke atas mereka adalah oleh Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dan ianya bukan diambil oleh Suruhanjaya pelabuhan Pulau Pinang atau pun Pelabuhan Pulau Pinang. Namun demikian, saya yakin walaupun Lembaga Buruh

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya ada sebut, tindakan yang diambil oleh Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang, tetapi saya menggunakan ini sebagai satu contoh bahawa perkara ini tidak patut berlaku.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasihlah. Saya suka menjelaskan bahawa sudah tentu ada sebab-sebab yang wajar mengapa Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang telah mengambil tindakan yang sedemikian kerana semua tindakan yang mereka ambil sudah tentu berlandaskan peraturan-peraturan kerja yang telah pun dipersetujui semasa mereka menerima bekerja di mana-mana agensi kerajaan.

Wakil dari Balik Pulau juga telah membangkitkan berkaitan dengan kesesakan trafik di North Butterworth Container Terminal yang baru. Saya juga telah melawat kawasan ini. Memang kita dapati untuk sementara ini, kita tidak dapat mengelak kerana jalan yang ingin kita bina dengan segera mendapat bantahan daripada tuan punya rumah berhadapan dengan kuil India. Kerana itu, untuk sementara kita telah adakan satu laluan sementara sehingga lebu raya daripada Port ke pertengahan Utara dapat disiapkan menjelang pertengahan tahun 1996.

Walau bagaimanapun, dengan tertubuhnya NBCT ini, telah dapat menerima kedatangan kargo dengan lebih berkesan oleh kerana airnya lebih dalam dan sekarang ada dua pelabuhan. Satu, pelabuhan lama dan satu lagi, pelabuhan baru dan ianya juga memberi peluang kepada pengeksport dan pengimport untuk meletakkan barang mereka di dua tempat tetapi saya suka menyatakan bahawa kita masih juga beri tempoh 5 hari kepada pengimport dan juga pengeksport.

Namun demikian, mereka tidak harus menggunakan tempoh 5 hari percuma untuk meletakkan kargo mereka ini sebagai alasan supaya mereka meng'congested'kan, minta maaf, mensesakkan pelabuhan kerana saya lihat ramai pengimport dan pengeksport mengambil kesempatan atas sikap baik pelabuhan Johor, Kelang dan Pulau Pinang kerana kita beri tempoh 5 hari, mereka juga hendak gunakan 5 hari ini secara penuh sedangkan di Singapura cuma 3 hari sahaja tetapi kita berpendapat mungkin 5 hari ini boleh menarik lebih ramai pengeksport atau kapal-kapal menggunakan pelabuhan kita. Itu

adalah insentif yang kita perkenalkan. Namun demikian, setakat ini walaupun insentif ini telah diberi tetapi telah juga disalah gunakan oleh pengimport dan juga pengeksport.

Terminal

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sila.

Tuan Lim Kit Siang: "Congestion" di NBCT dan Pelabuhan Pulau Pinang satu masalah yang sangat lama. Sungguhpun ada beberapa jaminan dibuat oleh menteri berkenaan atau timbalan menteri untuk mengatasi masalah ini tetapi nampaknya tidak begitu berkesan. Sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa beliau ada membuat lawatan dan ada melihat keberkesanan, adakah beliau sedar bahawa ada komplek-komplek oleh pengguna-pengguna Pelabuhan Pulau Pinang bahawa "congestion" diatasi lebih berkesan apabila ada lawatan menteri atau lawatan timbalan menteri cuma untuk 'tunjuk-tunjuk' kepada menteri-menteri dan timbalan menteri, selepas itu 'back to normal'.

Bagaimana ada satu cara yang lebih berkesan supaya bukan untuk tunjuk pada menteri atau timbalan menteri sahaja?

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sebenarnya dalam lawatan saya ataupun menteri dan juga pegawai kerajaan yang lain, kita memang mengadakan lawatan berjadual. Sebenarnya macam semua pelabuhan, kita monitor setiap dua minggu

dapatkan laporan. Bahkan laporan seperti Operasi Cekap ada yang kita terima secara harian. Namun demikian, di peringkat saya, saya monitor secara dua minggu bagi memastikan supaya peningkatan kecekapan terus berlaku.

Untuk Pulau Pinang, saya suka menyatakan bahawa kesesakan telah berkurangan apabila kita siap NBCT ataupun North Butterworth Container Terminal kerana itu bagi pengeksport-pengeksport ataupun pengimport-pengimport, mereka tidak perlu bimbang kerana pada hari ini kalau mereka datang, kita boleh 'cater' semua kargo-kargo yang ingin dibawa ke Pulau Pinang oleh kerana kita telah pun mempunyai satu lagi terminal.

Berkaitan dengan Swettenham Pier, Jalan Raja Uda iaitu port lama. Sekarang ini saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerajaan telah pun menswastakan pere ini dan kita sedang menjadikannya sebagai satu pelabuhan pelancongan yang tercantik di Malaysia, sama standardnya dengan Darling Harbour ataupun Pelabuhan Percintaan di Sydney dan bila siap nanti, saya jemputlah wakil dari Kota Melaka untuk datang melihat pelabuhan yang tercantik yang beliau beri tahu tadi bahawa pelabuhan-pelabuhan 'straits' ini seperti Pulau Pinang dan Melaka, perlulah dipertingkatkan lagi dan dipercantikkan.

Wakil Arau telah menyatakan berkaitan dengan Perlis Jetty. Saya ucapkan terima kasih atas sokongan kepada pindaan ini. Jika satu hari nanti, jeti Perlis, bagi orang Perlis, pelabuhan

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ada yang bangun. Balik Pulau bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, sekadar meminta penjelasan sedikit. Saya berterima kasih kerana ada rancangan untuk mencantikkan dan mengekalkan fakta sejarah di pelabuhan lama di sebelah Pulau Pinang tetapi berkenaan dengan perkhidmatan feri.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta maaf, saya terlupa tadi. Catitan berserabut sedikit. Saya suka memaklumkan bahawa kita akan mengambil perhatian atas pandangan Yang Berhormat supaya feri ini diperhebatkan lagi perkhidmatannya. Dahulu semasa feri ini diberhentikan ataupun apabila jambatan Pulau Pinang dibina, maka kurang orang gunakan feri. Kerana itu, feri-feri ini telah menyebabkan kerugian yang besar kepada Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang tetapi setelah jambatan Pulau Pinang bertambah sesak, maka penggunaan feri nampaknya semakin meningkat.

Saya juga pernah pergi dua bulan yang lepas dan saya memang lihat penggunaannya semakin meningkat dan kementerian akan melihat supaya feri-feri ini juga akan menjadi satu lagi tarikan bagi pelancongan yang baik bagi Pulau Pinang. Jika ada perkara-perkara yang boleh diperbaiki, kita akan bincangkan dengan Lembaga Pelabuhan kerana setakat ini tambangnya agak murah. Jadi, kalau ingin diperbaiki mungkin ianya akan melibatkan juga kos-kos yang lain.

Perlis

Tuan Yang di-Pertua: Arau, Yang Berhormat. Arau.

Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Ya, Arau. Pelabuhan Kuala Perlis apabila ingin diswastakan nanti,

maka tidak perlu kita hendak bawa lagi ke mana kerana pindaan akta ini telah membolehkan Pelabuhan Pulau Pinang menguruskan pengswastaan jeti Kuala Perlis apabila dikehendaki. Inilah antara kebaikan pindaan yang diadakan pada hari ini.

Cadangan berkaitan dengan Feeder Port ini sebenarnya kita ada tiga pelabuhan utama; Kelang, Johor dan juga Pulau Pinang. Di samping itu, kita ada juga pelabuhan-pelabuhan lain seperti Kemaman, Kuantan dan juga di Sabah dan Sarawak. Namun demikian, adalah menjadi dasar kerajaan kita pada hari ini bahawa pelabuhan utama, kita utamakan kepada tiga ini dahulu kerana kita tidak mahu terlalu banyak pelabuhan antarabangsa dibina dan akhirnya akan bersaing dan akan menyebabkan kerugian. Kerana itu, pelabuhan yang tiga ini perlu dimajukan dan mesti ekonomi dan mendapat keuntungan kerana pelabuhan yang dilaburkan adalah terlalu besar. Sebab itulah maka pada hari ini, kita memberi perhatian yang khusus kepada tiga pelabuhan utama ini supaya ianya benar-benar dapat "economically viable" dan boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, pelabuhan-pelabuhan yang sederhana dan kecil tidak diketepikan. Sudah tentu kerajaan akan memberikan perhatian yang serius daripada semasa ke semasa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PELABUHAN
BINTULU (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.13 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga bagi mengemukakan suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1995 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Akta tersebut telah dikuatkuasakan pada tahun 1981 dan Kementerian Pengangkutan dan pihak pelabuhan telah mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlu dipinda bersesuaian dengan masa sekarang dan juga untuk kelicinan pentadbiran.

Setelah menyemak keseluruhan seksyen-seksyen di dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

(a) Adalah pada masa ini, keseluruhan Akta ini, kecuali seksyen 92 telah dikuatkuasakan sejak 15 Ogos 1981. Seksyen 92 memperuntukkan bahawa semua harta alih dan harta takalih, kuasa, kepentingan, tanggung-jawab dan keistimewaan yang diperolehi dan terletak kepada Kerajaan Persekutuan semasa pelabuhan Bintulu diisytiharkan sebagai pelabuhan Persekutuan hendaklah berpindah dan terletak kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu.

Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah sebuah badan berkanun kerajaan yang menguruskan Pelabuhan Bintulu. Pada masa 1981, Kerajaan Persekutuan berpendapat, seksyen 92 tidak akan dikuatkuasakan pada tahun itu juga kerana masih terdapat aktiviti pembangunan yang masih dijalankan oleh kerajaan. Kerajaan sekarang berpendapat, seksyen 92 boleh dikuatkuasakan, dan untuk ini pindaan dibuat kepada seksyen 1 untuk menyifatkan seksyen 92 mula berkuatkuasa pada 16 Ogos 1981, iaitu sehari selepas tarikh semua seksyen lain Akta mula berkuatkuasa;

(b) Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 27A(1) dan 27A(3) adalah untuk membetulkan nama yang terdapat di kedua-dua seksyen

ini sebagai Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastaan 1990 dan bukan Akta Pelabuhan-pelabuhan Penswastaan 1989 seperti dicatit sekarang;

- (c) Mengadakan seksyen baru 27A (2A) di mana di pelabuhan yang diswastakan, pengendali pelabuhan yang terkil dengan keputusan Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk tidak membenarkan perubahan kepada tarif pelabuhan yang sedia ada boleh merayu kepada Menteri Pengangkutan terhadap keputusan tersebut dan keputusan Menteri Pengangkutan adalah muktamad; dan
- (d) Pada masa ini, pengurusan Pelabuhan Persekutuan di Sarawak adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Pentadbiran Pelabuhan Bintulu di Sarawak adalah di bawah Lembaga Pelabuhan Bintulu dan untuk Pelabuhan Labuan, pentadbirannya adalah di bawah Jabatan Laut Sabah. Jabatan Laut Sabah adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab atas hal keselamatan maritim dan pengurusan-pengurusan kecil. Dengan demikian, Kementerian Pengangkutan berpendapat, adalah lebih sesuai Pelabuhan Labuan diletakkan di bawah pentadbiran sebuah Lembaga Pelabuhan yang bercorak komersil yang boleh meningkatkan lagi operasi Pelabuhan Labuan.

Memandangkan Lembaga Pelabuhan Bintulu adalah pelabuhan Persekutuan yang terdekat sekali, adalah dicadangkan bahawa fungsi Lembaga Pelabuhan Bintulu diperluaskan kepada Pelabuhan Labuan. Tindakan sedemikian menjimatkan wang kerajaan dari menubuhkan Lembaga Pelabuhan bagi Pelabuhan Labuan dan Jabatan Laut Sabah boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada hal keselamatan maritim. Dengan demikian, dicadangkan mengadakan satu bahagian baru iaitu Bahagian VIIA untuk perluasan fungsi pelabuhan.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu adalah perkara yang akan dipinda dalam Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dr. Shafie bin Mohd. Salleh): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bintulu.

5.18 ptg.

Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Saya mendapati bahawa Rang Undang-undang ini telah menyentuh tentang kuasa Menteri untuk memperluaskan fungsi Lembaga kepada pelabuhan lain dan juga menyentuh bahawa Lembaga dalam menjalankan fungsinya yang diperluaskan hendaklah disifatkan sebagai Lembaga Pelabuhan yang bebas, manakala seksyen 66D pula bermaksud pelabuhan ditakrif sebagai sebuah pelabuhan Persekutuan atau satu tempat yang diisytiharkan menjadi sebuah pelabuhan Persekutuan oleh Undang-undang Persekutuan apabila diluluskan oleh Dewan ini nanti.

Sebenarnya ini bermakna bahawa Lembaga Pelabuhan Bintulu dengan kuasa dan kebenaran oleh Menteri Persekutuan mengambil alih mana-mana pelabuhan dalam Bintulu dan di Malaysia Timur juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, di manakah kedudukan dan pendirian Kerajaan Sarawak dalam arrangement ini? Sama ada Kerajaan Negeri diberi hak menolak cadangan dan membangunkan sendiri pelabuhannya pada masa depan ataupun Kerajaan Negeri boleh memilih untuk menyertai usaha sama dan menjadi salah satu pemegang ekuiti yang bermakna dalam cadangan peluasan pelabuhan.

Pada masa ini, Lembaga Pelabuhan Bintulu diberi kuasa mentadbir kawasan pelabuhan hanya dalam lingkungan 10 batu sahaja tetapi dengan kelulusan undang-undang ini, bidang kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu akan meliputi mana-mana bahagian dalam Bintulu sampai ke Labuan yang dikatakan tadi, ia akan

sampai dalam Sarawak ke pedalaman sehingga ke Tubau di mana pengkalan bekalan bagi Ekran pun termasuk di bawah kuasa Lembaga ini ataupun ke sebelah barat sehingga ke Tatau, Balingin malah ke Mukah yang mana kawasan yang kaya dengan simpanan gas ditemui baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini Lembaga Pelabuhan Bintulu akan menjadi Lembaga tunggal yang menguasai industri pelabuhan dan perkapalan di kawasan tengah Sarawak ataupun di Malaysia Timur. Sudah tentu Rang Undang-undang ini memberi kesan serius kepada industri perkapalan persisiran yang sudah berjalan secara tradisional dan semua kapal yang bergerak masuk ke Bintulu sama ada ianya kapal yang mengangkut pasir, batu dari Sibu atau bekalan simen dari Kuching ataupun barang-barang lain seperti beras, gula, makan, bahan-bahan binaan yang mana pada masa ini dimuat dan diturunkan di jeti persendirian. Apakah pihak kementerian semasa dalam proses menggubal Rang Undang-undang ini pernah mengajak Dewan Perniagaan dan Perindustrian dan penduduk-penduduk Bintulu amnya berunding mengenai kesan pelaksanaan Rang Undang-undang ini kelak?

Ini disebabkan kesan pelaksanaan Rang Undang-undang ini bermakna kehilangan kawalan dan penguasaan tradisi jeti atau dermaga-dermaga persendirian ataupun ia akan menambah kos kepada pengusaha-pengusaha perkapalan yang pada akhirnya memindahkan pertambahan kos itu ke atas bahu para pengguna dan selanjutnya mengakibatkan pertambahan kos sara hidup di Bintulu. Saya tidak nampak apa-apa kepentingan dan keperluan dengan langkah peluasan bidang kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu selain

bertujuan menjadi sumber meningkatkan hasil pendapatan. Sedangkan Pelabuhan Bintulu boleh membantu lebih banyak industri kecil dan sederhana ke Bintulu yang mana dengan ini mereka dapat menggunakan pelabuhan dan berpeluang menambah hasil.

Pelabuhan Bintulu pada masa ini menerima hasil pendapatan yang memuaskan dari caj pelabuhan. Bagi setiap kapal LNG yang berlabuh dimuatkan dengan gas dan seterusnya belayar, yang mana tiap perjalanan dikenakan lebih kurang RM600 ribu. Apabila terdapat 15 shipment setiap bulan, ia mendatangkan hasil lebih kurang RM9 juta sebulan. Di samping itu, peluang-peluang perniagaan patutlah dipelbagaikan bagi mengelakkan kawalan satu pihak sahaja supaya lebih ramai berpeluang menikmati faedah dan berjaya mewujudkan pembahagian pendapatan yang lebih adil terutama kepada Kerajaan Negeri dan para peniaga tempatan juga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut prestasi Lembaga Pelabuhan Bintulu jika merujuk Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Bintulu kita mendapati Lembaga Pelabuhan Bintulu memperolehi hasil pendapatan yang memuaskan. Tetapi apakah sumbangan Lembaga Pelabuhan Bintulu selama ini kepada pembangunan infrastruktur bandar Bintulu? Lembaga Pelabuhan Bintulu gagal memberi sumbangan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan Bintulu kecuali menjadi laluan saluran gas asli cecair.

Selepas dalam Laporan Tahunan 1993, simpanan tetap Lembaga Pelabuhan Bintulu dalam Bank dan faedah tahunannya dari interest, dengan izin, berjumlah RM32 juta. Saya berharap duit yang disimpan dalam bank akan digunakan untuk apa-apa

yang lebih berfaedah untuk rakyat. Dan juga duit yang tetap disimpan dalam bank patutlah disimpan dalam beberapa bank supaya bank-bank lain di Bintulu mendapatkan faedah juga dari fixed deposit yang ada disimpan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu dalam bank di Bintulu.

Tidakkah sebahagian wang tersebut boleh digunakan untuk membangunkan bandar Bintulu demi kesejahteraan hidup penduduk-penduduknya? Bukan sahaja kawasan pelabuhan yang perlu dimaju dan dibangunkan tetapi juga kawasan-kawasan di luar pelabuhan ataupun di luar bandar Bintulu perlu juga dibangunkan. Bintulu yang sudah terkenal di seluruh dunia kerana gas asli cecair patut diiringi dengan pembangunan menyeluruh untuk kebajikan penduduknya. Mereka tidak boleh dibiarkan tersisih dari arus pembangunan sedangkan gas asli cecair mendatangkan hasil pendapatan yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa kerajaan supaya mengagihkan sebahagian keuntungan yang dikecapi oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu kepada penduduk-penduduk Bintulu menerusi projek pembangunan yang patut disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA). Selama ini hasil Lembaga Kemajuan Bintulu adalah hasil cukai dan bayaran lesen yang dikutip daripada orang ramai dan peniaga-peniaga Bintulu. Ini tidak mencukupi. Selain bantuan Kerajaan Negeri, Lembaga Kemajuan Bintulu patut dibantu untuk membangunkan Bintulu dan sepatutnya inilah sebahagian tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk membangun.

Saya juga ingin memberitahu Dewan ini bahawa para pekerja pelabuhan dan masyarakat Bintulu terdedah kepada pencemaran udara yang datang dari kilang Asean Bintulu Fertilizer (ABF). Kilang amonia yang bertempat sangat dekat dengan pelabuhan Bintulu. Bau gas amonia yang terpaksa dihidu oleh orang ramai termasuk pekerja pelabuhan sendiri pada tiap saat sungguh membimbangkan dan membahayakan dari segi kesihatan.

Adakah siasatan telah dijalankan ke atas aduan mengenai pencemaran asap dan bau dari kilang ABF bagi memastikan sejauh mana kilang tersebut mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia? Dan dalam hubungan ini apakah tindakan pihak Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan dan Lembaga Kemajuan Bintulu termasuk Lembaga Pelabuhan Bintulu sendiri telah lakukan untuk mengatasi masalah ini? Lembaga Pelabuhan Bintulu patut berbuat sesuatu research, dengan izin, bersama-sama dengan agensi kerajaan yang lain supaya udara di bumi Bintulu tidak terus tercemar oleh bahan kimia yang membahayakan kesihatan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

5.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan (Tuan Chor Chee Heung): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini dan saya ingin memberi sedikit-sebanyak jawapan kepada beliau.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut seksyen 66, saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah tersilap faham sedikit. Di bawah seksyen 66 akta ini, kuasa Menteri dari segi memperluaskan kuasa Pelabuhan Bintulu bukan terhadap pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri seperti Pelabuhan Kuching, Pelabuhan Rejang dan Pelabuhan Miri. Sebenarnya, Menteri hanya mempunyai kuasa untuk memperluaskan kuasa pentadbiran Pelabuhan Bintulu terhadap pelabuhan Persekutuan sahaja.

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua buah pelabuhan Persekutuan di sebelah Sarawak dan Sabah iaitu Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Labuan. Oleh yang demikian, apa yang demikian, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu iaitu merampaskan segala jeti-jeti perseorangan, merampaskan pelabuhan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri memang tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bintulu juga dengan adanya Lembaga Pelabuhan untuk menguruskan Pelabuhan Bintulu termasuk kuasa-kuasa yang diberikan kepada Menteri, saya percaya harapan industri perkapalan di negeri Sabah dan Sarawak akan bertambah cerah dan ada juga Pelabuhan Bintulu, saya percaya jika Lembaga ini menguruskan dengan sebaik-baik, akan menjadi suatu sumber kemewahan kepada bandar Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bintulu juga dari segi tugas dan tanggungjawab Lembaga Pelabuhan Bintulu, ini adalah hanya terhad dalam pengurusan pelabuhan dan tidak mempunyai hak di dalam bandar Bintulu.

Yang Berhormat dari Bintulu juga membangkitkan mengenai dengan simpanan tetap oleh Pelabuhan Bintulu bagi faedah rakyat. Ingin saya menegaskan di sini, Lembaga pelabuhan Bintulu akan menggunakan segala wang simpanan tetap bagi projek-projek pembangunan Pelabuhan Bintulu seperti pembesaran dermaga sebab buat masa ini Lembaga Pelabuhan Bintulu mempunyai cadangan untuk membesarkan dermaga serbaguna dalam pelabuhan dan kosnya adalah RM230 juta dan pembinaan jeti LNG yang ketiga juga akan menelan peruntukan sebanyak RM200 juta dan pembinaan jeti LPG akan menelan belanja RM60 juta. Memang semua wang yang disimpan selama ini adalah untuk membangunkan Pelabuhan Bintulu. Saya percaya dengan adanya

Dr. Tan Seng Giaw: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya asyik mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan bukannya pindaan ke atas Rang Undang-undang ini ialah untuk menswastakan jeti-jeti dan dermaga-dermaga, bukan untuk menggunakan wang yang sedia ada, tetapi untuk menswastakan supaya lebih kemudahan-kemudahan baru diadakan di lembaga ini. Jawapan tadi seolah-olah ini bukan satu perkara untuk menswastakan, bahkan juga untuk memberi kuasa kepada Persekutuan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan baru.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kepong memang dalam satu wave length yang sama, cuma dari

segi presentation dan dari segi kerja-kerja oleh pelabuhan ada kemungkinan lebih luas daripada apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pencemaran asap dari kilang ABS, memang perkara ini telah disampaikan kepada pihak yang berkenaan sebab baru-baru ini terdapat satu dua aduan mengenai dengan pencemaran asap yang kononnya dari kilang ABS dan pihak berkenaan sedang mengambil perhatian mengenai kes ini. Jika boleh, tidak lama lagi saya akan memberi makluman lebih lanjut kepada Ahli Yang Berhormat dari Bintulu.

Saya percaya ada dua tiga perkara tadi yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bintulu dan saya telah menjawab. Jika terdapat apa-apa lagi yang saya tidak sempat menjawab, pihak kementerian saya akan memberi perhatian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (PINDAAN) 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 ptg.

Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995 dibaca kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda dan memperluaskan peruntukan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 bagi mengemaskinikan selaras dengan tuntutan masa kini. Hal ini penting kerana peruntukan yang sedia ada dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 tidak mencukupi, memandangkan kedudukan dan perkembangan bahasa dan tuntutan berhubung dengan penggunaan Bahasa kebangsaan secara meluas dan betul pada masa ini.

Pada ketika peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang bahasa terhad kepada membina dan mengembangkan bahasa yang dijalankan melalui aktiviti penyelidikan, peristilahan, perkamusan dan penerbitan. Namun begitu ini tidak pula bermakna Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang tidak menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, peranan penggalakkan yang dimainkan adalah terbatas.

Begitulah juga halnya berhubung dengan isu penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul selaras dengan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan. Sering terdapat dakwaan daripada berbagai-bagai pihak yang menyatakan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mengawasi penggunaan bahasa yang betul, dengan alasan bahawa kuasa yang ada pada Dewan hanya terhad kepada membina dan mengembangkan bahasa, membakukan ejaan dan sebutan dan mencipta istilah, tetapi tidak berhak mengajar dan menyuruh mereka menggunakan bahasa yang betul.

Berdasarkan alasan-alasan tersebut, maka adalah dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka yang sedia ada diperluas dengan menambahkan peruntukan-peruntukan baru yang akan membekalkan Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan fungsi menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan secara meluas, khususnya untuk tujuan resmi dan menggalakkan penggunaannya secara betul. Secara khusus antara tujuan pindaan ini adalah seperti berikut:

- (a) Memperluas pemakaian Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Hal ini penting supaya fungsi dan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di seluruh Malaysia, termasuk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- (b) Menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pihak berkuasa penyelarasan yang tunggal dalam membentuk, mencipta dan membakukan istilah.

- (c) Membolehkan Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka mewakili kuasa dan tugasnya kepada mana-mana orang, badan pegawai atau kumpulan pegawai yang difikirkan sesuai oleh lembaga.
- (d) Melengkapkan dan mengemas kini kuasa Lembaga Pengelola menjalankan urusan supaya pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.
- (e) memperuntuk kuasa Lembaga Pengelola Dewan bahasa dan Pustaka untuk memindahkan dan melupuskan apa-apa aktiviti atau tugas yang sesuai supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada fungsi asasnya iaitu membina dan mengembangkan bahasa dan sasteranya.
- (f) Mengemaskinikan peruntukan tentang Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengelola dan Jawatankuasa Kecil melicinkan pengurusan dan pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- (g) Memperkemas dan memperlengkap peruntukan tentang hal-ehwal tata tertib Dewan Bahasa dan Pustaka selaras dengan kehendak undang-undang.
- (h) Memperluaskan penggunaan kumpulan wang. Perluasan kuasa ini akan membolehkan Lembaga Pengelola dari semasa ke semasa mengadakan skim pinjaman kakitangan yang khusus bagi maksud selain

membeli rumah kediaman dan kenderaan bermotor seperti yang diamalkan sekarang mengikut keadaan dan keperluan.

- (i) memperuntukan kuasa kepada Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mengenakan surcharge ke atas pekhidmat-pekhidmat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya cadangan pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka ini akan membolehkan Dewan bahasa dan Pustaka menjadi satu badan pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera yang lebih berwibawa, selaras dengan hasrat untuk menjadikan Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu, wahana budaya tinggi, bahasa penghubungan moden serta meningkatkan penguasaan bahasa tersebut di kalangan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Rang undang-undang ini merangkumi 21 Fasal, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995 dipinda dan diluluskan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dewan bahasa dan Pustaka 1959 dan untuk memperluaskan Akta tersebut sebagaimana yang dipinda ke negeri Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Hulu Langat.

5.45 ptg.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan tentang kepekaannya terhadap perlunya mempertingkatkan bidang kuasa DBP dan peranannya. Bagaimanapun, dalam waktu yang terbatas ini saya cuma mahu menjurus kepada Fasal 7 yang menyebut seksyen 5 Akta ini untuk dipinda 5(a), (b), (c) dan (d) yang pada asasnya bertujuan menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul dan menggalakkan penggunaan yang lebih meluas.

Bahagian (a) menyebut untuk membina dan memperkayakan, saya ulang memperkayakan Bahasa Kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi. Pindaan ini cukup baik kerana mahu memartabatkan Bahasa Kebangsaan, tentulah ia bertujuan membetulkan beberapa kesalahan ataupun kesilapan yang ada. Namun kalau kita lihat iaitu di perenggan (a) itu disebutkan "memperkayakan", perkataan "memperkayakan" itu sendiri adalah sesuatu yang tidak betul, iaitu perkataan "memperkayakan" dalam salah satu artikel dalam Pelita Bahasa terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, disebutkan apabila digunakan imbuhan "mem" dan "per" maka imbuhan akhiran "kan" ditiadakan. Oleh itu "memperkayakan" haruslah dijadikan "memperkaya" sahaja. Kalau saya silap ayahanda dari Dewan Bahasa ada di sini, harap betulkan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan hari ini bagaimanapun tidak memasukkan kuasa untuk DBP

menguatkuasakan peraturan atau undang-undang mengenai bahasa dan isu-isu kebahasaan. Walaupun Yang Berhormat Menteri menyatakan DBP berhasrat untuk memantapkan bahasa, tetapi saya rasa usaha-usaha itu tentulah akan terjejas kerana DBP tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan pelaksanaan atau penciptaan istilah-istilah atau jargons, dengan izin, yang telah dicipta.

Buat masa ini banyak kesilapan bahasa dalam banyak bidang, sama ada yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan swasta mahupun oleh pihak yang berkuasa sendiri. Ada iklan yang berbunyi "Operator Pengeluaran Wanita", apakah kerja operator ini? Adakah mengeluarkan wanita ataupun mengeluarkan yang lain? (*Ketawa*) Begitu juga dengan nama kedai "Kedai Jahit Wanita", adakah benar wanita yang dijahit oleh kedai berkenaan atau sebaliknya ataupun bukan kedua-duanya? Begitu juga kalau kita lihat dengan nama-nama kedai "Kedai Makan Raju" atau "Restaurant Raju" dalam bahasa Inggerisnya, yang mana kita hendak gunakan, "Kedai Makan Raju" atau "Kedai Makanan Raju"? Jika "Kedai Makan Raju", bermakna "Raju dimakan oleh kedai" dan jika "Kedai Makanan Raju" bermakna "Raju makan kedai" susah lagi kalau kita terjumpa "Raju Makan kedai".

Tuan Yunus bin Rahmat:
(*Menyampuk*)

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Ha! sahabat saya dari Jelevu kata apa dia? "Raju kedai makan", "Api kereta"? lagilah susah. Oleh tu apakah nama khas yang hendak kita gunakan? Apakah yang wajar? Nama-nama syarikat pun dibiarkan bercampur-aduk

menggunakan perkataan Inggeris dan Melayu, Inggeris dan Cina, Inggeris dan India. Kadang-kadang Inggeris, Melayu dan Jawa pun ada. Percampuran nama dalam Cina adalah lebih berleluasa. Umpamanya, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lalu di Jalan Ipoh di depan Tan Chong Motor, Ahli-ahli Yang Berhormat akan melihat satu syarikat namanya 'Tong Bin Lorry'—'T-o-n-g B-i-n L-o-r-r-y'. Kalau diterjemahkan Tong anak lelaki Lorrylah—'Tong Bin Lorry'. Sebenarnya syarikat itu adalah syarikat pengangkutan. Nama taukenya Tong Bin, jadi Tong Bin Lorry! Masih dibenarkan nama-nama begini. Begitu juga dengan 'Cop Hong Lai' dan sebagainya. 'Tong Tai' pun ada—'Tong Tai Kacang Goreng'. Kita makan kacang gorengnya tetapi Tong Tainya kadang-kadang kita lupa.

Yang lebih buruk lagi ialah penggunaan bahasa Melayu yang salah. Bahasa Melayu sendiri pun salah! Umpamanya, dalam iklan-iklan yang kita lihat 'Penghabisan Stok', 'Jualan Murah Penghabisan Stok' ataupun 'Jualan Murah Kehabisan Stok'. Yang sepatutnya ialah 'Jualan Murah Menghabiskan Stok'.

Mengenai papan tanda, pihak berkuasa, JKR, PLUS, Majlis Daerah dan yang lain-lain juga banyak yang masih silap lagi. Umpamanya, ejaan-ejaannya tidak seragam antara 'kampung' dengan 'kampong', dilarang di sini, di kiri, di kanan, ada yang rapat, ada yang jarak. Setiap kali orang atau akhbar menyuarakan perkara ini, DBP akan mengatakan mereka tidak dibekalkan kuasa untuk menguatkuasakan peraturan mengenai bahasa.

Seperti yang dimaklumi, DBP telah membelanjakan jutaan ringgit untuk mengembang dan memperluaskan

penggunaan bahasa Melayu. Berbagai-bagai istilah baru yang sedia ada tetapi jarang-jarang digunakan telah diperkenalkan tetapi usaha untuk memantapkannya agak jurang.

Sehubungan dengan ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang saban masa cukup rajin mengemukakan istilah-istilah baru dan istilah-istilah lama yang sedia ada tetapi jarang-jarang dipakaikan khususnya dalam ucapan-ucapannya termasuklah dalam pembentangan Belanjawan Negeri setiap tahun.

Saya dahulu ketika menjadi wartawan saban tahun apabila Menteri Kewangan membentangkan, saya akan catatkan berapa istilah baru. Yang saya ingat tahun lepas ada 14 perkataan. Tatkala ada usaha memantapkan bahasa Melayu, ada juga yang terus melayukan bahasa kita. Makin hari makin layu dan lama-lama lembiklah. Sekali lagi DBP akan berkata, ia tidak mempunyai kuasa. Itulah sebabnya DBP harus diberikan hak untuk menguatkuasakan undang-undang mengenai bahasa.

Penunggang motosikal yang tidak memasang lampu pada waktu siang akan didenda. Pada hal bukan ada kesalahan apa-apa. Kalau malam tidak pasang lampu mungkin tidak nampak. Tetapi siang kalau tak pasang lampu didenda juga. Mereka yang merokok di tempat-tempat tertentu walaupun tidak menggugat orang lain boleh didenda, boleh dikompaun. Bagaimanapun, untuk kesalahan berbahasa, nampaknya, tidak ada apa-apa yang boleh dibuat, tidak ada denda, tidak ada kompaun dan hampir-hampir tidak ada apa yang boleh dilakukan, seperti yang telah saya jelaskan tadi.

Ini adalah sesuatu yang amat ganjil, janggal—buat kesalahan tetapi tidak ada tindakan, tidak ada penalti, tidak ada denda.

Bahasa adalah jiwa bangsa. Oleh itu kesalahan bahasa adalah kesalahan bangsa. Jika kesalahan berbahasa berlaku, ia mengait dan menjejaskan martabat bangsa. Setiap orang daripada kita harus merasa bersalah dan bertindak membetulkannya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Harjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, sebab tadi Yang Berhormat ada mengatakan tentang kesalahan menggunakan bahasa. Saya hendak bertanya, adakah salah menggunakan bahasa Jawa dan apakah dendanya kalau mereka ini menggunakan bahasa Jawa? (*Ketawa*)

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: "Orak" silap. Tak ada salahnya tetapi biarlah betul, pada pandangan saya. Mengenai denda, kita serahkanlah kepada pihak yang berwajib.

Salah satu daripadanya ialah menguatkuasakan undang-undang mengenai bahasa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli dari Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya ingin bertanya dengan sahabat saya, saya tidak kiralah kalau orang bercakap Jawakah, Banjarkah. Saya hendak bertanya adakah saudara mahu memperkenalkan supaya Dewan Bahasa mempunyai "mata-mata bahasa" (*Ketawa*)

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Barangkali cadangan sahabat saya dari Parit Sulong ini bolehlah diadakan 'polis bahasa' untuk spy orang yang buat silap.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung tadi, bagaimanapun oleh kerana penguatkuasaan masih belum diperuntukkan dalam Akta ini walaupun hasratnya untuk mengembangkan peranan dan penguasaan bahasa Melayu, kita berharap pihak-pihak yang berwibawa tidak berlepas tangan. Setiap orang hendaklah merasa bertanggungjawab membetulkan keadaan—pengiklan, pengamal bahasa, DBP, institusi pengajian tinggi, media dan sebagainya harus mengemblengkan tenaga dan saya juga difahamkan dalam Dewan Bahasa, sekali lagi, Ayahanda Aziz kalau silap betulkan saya, khabarnya ada 7 mazhab dalam DBP. Kalau boleh bubarkan sahaja mazhab itu dan kembali kepada satu sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ini perkara yang amat menarik. Saya ingin tahu mazhab-mazhab apa yang ada di Dewan Bahasa itu. Tolong jelaskan.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Mazhab-mazhab itu tidak ternama tetapi dari kawan-kawan yang berada di Dewan Bahasa dan kawan-kawan yang telah meninggalkan Dewan Bahasa, ada tujuh kumpulan yang mengenengahkan idea-idea kumpulan masing-masing. Orang ini tidak setuju dengan orang ini, orang ini tidak setuju dengan orang itu. Tetapi itu saya pun dengar ceritalah.

Tanpa undang-undang pun sebenarnya kita boleh berjalan betul. Demikianlah halnya dalam adat istiadat kita. Dalam adat istiadat Melayu

ataupun adat istiadat apa-apa sekali pun kita memerlukan undang-undang tetapi kita akur kerana hormat kepada bahasa kita, kita cinta kepada bahasa kita dan oleh kerana itulah kita akur dengan adat istiadat berkenaan sehingga menjadi tradisi turun-temurun. Ini semua kerana kepekaan dan kesungguhan kita untuk mempertahankan adat istiadat kita. Sekiranya kita cintakan seseorang kita menjaganya ibarat menatang minyak yang penuh. Demikianlah juga halnya, sepatutnya kita menangani isu-isu mengenai bahasa. Oleh kerana kita cintakan bahasa kita, marilah kita menjaganya dengan sebaik mungkin.

Menyentuh mengenai cinta, tentulah wajar kita mengetahui tentang apa yang kita cintakan itu. Dalam mencintai bahasa kita harus pasti kita mencintai bahasa Melayu atau kita mencintai Bahasa Malaysia. Nampaknya isu mengenai istilah bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia masih belum selesai. Ada yang mahukan Bahasa Malaysia kerana sesuai dengan nama negara dan bangsa Malaysia. Namun ada pula yang berkata bahawa Bahasa Malaysia tidak wujud. Yang ada hanyalah bahasa Melayu. Saya bersetuju dengan pandangan yang kedua kerana istilah Bahasa Kebangsaan tidak semestinya dikaitkan dengan nama negara. Tidak semestinya nama negara kita Malaysia, bahasanya Malaysia. Demikian halnya di India, bahasanya bukannya bahasa India, Filipina pun bahasa rasminya Tagalog, bukan bahasa Filipina. Saya harap pihak berkuasa tuntas mengenai perkara ini. Janganlah Bahasa Kebangsaan kita ditukar sesering dengan pertukaran menteri yang menjaga Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli dari Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara, penjelasan. Yang pertama 'tuntas' itu tidak dapat dicari dalam kamus Dewan! (*Disampuk*) Dalam kamus bahasa Indonesia, ada. Dalam kamus besar bahasa Indonesia ada perkataan 'tuntas'. (*Disampuk*) Ya! Itu bahasa Indonesia 'tuntas'.

Yang kedua, saya bertutur di dalam bahasa ini banyak tahun dan itu bahasa saya. Bahasa yang ditutur dalam Dewan ini bahasa saya dan mengapa tidak boleh digunakan Bahasa Malaysia? Ini bahasa saya! Bahasa satu alat dan alat ini digunakan oleh semua rakyat Malaysia dan menjadi satu Bahasa Malaysia. Apakah salahnya?

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Yang pertama, 'bapa Kepong' mengatakan 'tuntas', betul pak, bahasa Indonesia? Saya katakan bahasa Melayu, bukan bahasa Malaysia. Indonesia juga bahasa Melayu.

Dr. Tan Seng Giaw: Bahasa tidak ada dalam kamus Dewan, tetapi ada dalam kamus Indonesia.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Kalau demikian, penjelasan Yang Berhormat dari Kepong bolehlah ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, bukan kepada saya.

Yang kedua, kata Yang Berhormat dari Kepong mengenai bahasa Malaysia, bahasa dia. Saya hendak tegaskan, bahasa Melayu adalah bahasa saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap DBP yang menjadi badan yang berwewenang dapat mempertahankan istilah yang hendak digunakan. Hari ini jika kita putuskan penggunaan bahasa Melayu, janganlah esoknya ditukar pula Bahasa Malaysia

ataupun 'bahasa Kepong' atau apa-apa bahasa yang hendak ditukar nanti. Jadi, pendeknya apa yang hendak saya perkatakan dalam perbahasan ini

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dia bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, Akta ini untuk memperluaskan skop wadah bahasa, tetapi Yang Berhormat itu untuk mempersempit skopnya, itulah masalah sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri penjelasankah atau hendak minta

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dia hendak mempersempit bahasanya?

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Saya tidak bermaksud untuk mengepong perluasan bahasa itu. (*Ketawa*) Kerana itulah dari awal lagi saya katakan kita harus menggunakan bahasa Melayu, sebab Bahasa Malaysia ialah bahasa negara kita, tetapi bahasa Melayu ialah bahasa sejagat, bahasa seantero.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat dari

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hulu Langat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Hulu Langat. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong dialah yang hendak menyempitkan dan dialah yang confused. Tadi dia kata 'tuntas' tidak ada dalam kamus Dewan, tetapi dia selalu menggunakan perkataan 'graha' yang tidak ada juga di dalam kamus Dewan. (*Ketawa*) Jadi, apakah Yang Berhormat setuju bahawa dia ini selalu confused ataupun selalu keliru di dalam hujah-hujah yang diberinya.

Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju. Yang sebenarnya, Yang Berhormat dari Kepong ini dia sudah terkepong, hujah-hujah dia yang mengepong dia sendiri.

Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tegaskan di sini ialah perlunya penguatkuasaan kuasa untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan atau undang-undang yang ada supaya DBP bukan sahaja boleh membina istilah mengembangkan sastera dan sebagainya, tetapi betul-betul dapat menguatkuasakan. Kalau orang buat salah, ambil tindakan. Kalau tak mahu denda pun, mula-mula nasihat dahulu. Tetapi kalau degil sangat, dendalah. Macam orang pasang lampu waktu siang, ada kebbaikannya. Tetapi kalau dia degil sangat, denda. Orang hisap rokok, memang duit dia yang hendak bakar rokok. Tetapi kerana degil sangat, kalau sudah hingga menjejaskan orang, dendalah. Begitu juga dengan bahasa kita. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Marang.

6.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyertai perbahasan rang undang-undang yang berkait dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, saya akan menyentuh perkara-perkara dasar, dan insya-Allah saya tidak akan menyebut perkara-perkara teknikal, termasuk yang berhubung dengan bangunan dan isi bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua, tiga puluh tahun lebih kita telah mencapai kemerdekaan, dan pada hari ini rang undang-undang yang berhubung dengan bahasa dikemukakan, menandakan di sana terdapat kebuntuan-kebuntuan dan kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam mendaulatkan Bahasa Kebangsaan yang tidak tertumpu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, tetapi menjadi tanggungjawab kepada semua pihak yang ada di dalam negara ini. Untuk meninggikan martabat bahasa Kebangsaan, tidak cukup dengan rang undang-undang sahaja. Tetapi yang lebih daripada itu ialah tindakan secara pratikal untuk meluaskan penggunaannya di semua peringkat.

Perkembangan mutakhir menunjukkan bahasa Kebangsaan hanya dijadikan lambang yang disebut sahaja tanpa suatu pelaksanaan yang bersungguh-sungguh dengan alasan-alasan yang tidak kuat dan tidak boleh diterima. Bahasa Inggeris ditonjolkan dalam perkembangan ilmu, di dalam negara ini dan di dalam hubungan-hubungan yang lain, kerana kononnya atau dianggap sebagai suatu cara untuk menuju ke arah wawasan menjadi sebuah negara maju.

Sangat tidak tepat dengan kenyataan yang berlaku di hadapan kita. Contoh yang paling jelas ialah Jepun dan Filipina. Jepun yang kalah teruk dalam Perang Dunia Kedua dan seperti secara langsung diawasi oleh Amerika dan sekutu-sekutunya. Jepun membangun dan menjadi negara maju dengan terus mempertahankan bahasa Jepun. Dalam peringkat negara Jepun, mempertingkatkan kemajuan ilmu melalui bahasa Jepun, membawa Jepun ke tahap gergasi negara maju. Bukan sahaja negara maju yang setanding dengan negara-negara besar, dan pemimpin-pemimpin mereka terus menggunakan bahasa Jepun ke peringkat antarabangsa yang ditonjol dalam persidangan-persidangan antarabangsa sehingga terpaksa orang lain mencari penterjemahan ke bahasa-bahasa mereka.

Adapun Filipina yang menonjolkan bahasa Inggeris yang begitu meluas, bermula daripada Presiden sehingga drebar teksi menggunakan bahasa Inggeris, Filipina terus ke tahap negara mundur, menunjukkan bahasa sematamata tidak menjadi rukun bagi kemajuan sesebuah negara. Bahkan bahasa lebih bersifat salah satu daripada kadang-kadang menjadi kesan penjajahan. Kita tidak menafikan bahawa semua bahasa adalah penting. Dan Al-Quran sendiri menyebut, bahasa adalah tanda-tanda kebesaran Allah. (*Membaca dalam bahasa Arab*) Ertinya, "Sesungguhnya di antara tanda-tanda kebesaran Allah itu ialah menjadikan kamu berbagai-bagai warna kulit dan menjadikan kamu menggunakan berbagai-bagai bahasa. Itu semua adalah menjadi tanda kepada orang-orang yang mengetahui".

Kita perlu mengetahui bahawa bahasa juga menjadi kepribadian kepada sesuatu bangsa yang mempunyai bahasanya sendiri. Ibnu Khaldun pernah menyebut di dalam bukunya 'Al-Mukaddimah'. Ibnu Khaldun yang menjadi bapa ilmu sosiologi, di dalam bukunya Al-Mukaddimah yang diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai bahasa pernah menegaskan bahawa seringkali bangsa yang dijajah, apabila dijajah pemikirannya, dijajah juga budayanya, termasuk bahasanya, sehingga merasa suatu kebanggaan apabila terikut-ikut dengan penjajah, termasuklah menggunakan bahasa yang dibawa oleh penjajah. Apa yang ditegaskan itu sangat tepat, kerana inilah kenyataan yang berlaku dalam dunia hari ini, di mana bekas tanah-tanah jajahan menggunakan bahasa, menjunjung bahasa penjajah yang menjajah mereka. Bekas tanah-tanah jajahan Perancis di Afrika menganggap bahasa Perancislah yang boleh memajukan mereka dan begitulah seterusnya. Apabila saya mengemukakan perkara ini bukan bermakna kita tidak boleh menggalakkan pembelajaran bahasa asing. Saya tetap tidak menafikan perlunya mempelajari bahasa asing, bukan sahaja untuk berhubung tetapi untuk menimba ilmu dari orang lain dan Islam sendiri menggalakkan kita mengetahui banyak bahasa, sabda Nabi Muhammad s.a.w. maksudnya 'sesiapa yang mengetahui bahasa sesuatu kaum, maka dia terselamat daripada kaum itu'. Dan sabda Nabi Muhammad s.a.w. 'tuntutlah ilmu walaupun ke negeri China'. Kita boleh menimba ilmu dari mana sahaja dalam dunia ini dan kita boleh mengambil ilmu dari orang lain dengan bahasa mereka, tetapi apabila dibawa ke dalam negeri kita, ke dalam

masyarakat kita, membangunkan bangsa dan negara kita, mestilah dengan bahasa kita sendiri dan kita perlu mengetahui bahawa di dalam membina keperibadian kita sendiri dalam negara kita dan menonjolkan maruah ke peringkat antarabangsa, maka bahasa kita mestilah menguasai ilmu dan dinyatakan penggunaannya—sangat malang dari segi praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin negara-negara lain di dunia, menggunakan bahasa mereka sendiri termasuk di peringkat antarabangsa dan termasuk bila mereka datang melawat ke negeri kita, mereka menggunakan bahasa mereka sendiri. Kita terpaksa menterjemah walaupun mereka menguasai bahasa Inggeris dan lain-lain tetapi pemimpin negara kita walaupun telah berada di dalam tanah air sendiri, kakinya telah berpijak di Subang bukan di Heathrow, sudah berpijak di Subang, sudah berada di dalam negeri ini, di lapangan terbang berhadapan dengan majoriti pemberita dan lain-lain yang boleh menguasai Bahasa Kebangsaan tetapi tetap menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berguna Dewan Bahasa dan Pustaka diberi tugas diadakan undang-undang dan sebenarnya mereka telah menjalankan tugas, menerbitkan buku yang banyak, istilah yang banyak tetapi masalahnya ialah masalah orang lain yang tidak menunaikan tanggungjawab di semua peringkat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada sahabat saya dari Marang, semangat kebangsaan beliau amat disanjung, saya ingin bertanya sewaktu beliau menghadiri seminar-seminar, 'conference' di antarabangsa, apakah media bahasa yang beliau gunakan? Adakah beliau berbicara dan berkomunikasi dengan orang-orang di luar menggunakan Bahasa Melayu ataupun menggunakan bahasa-bahasa yang lain.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada orang Melayu saya bercakap dalam Bahasa Melayu, kalau tidak ada orang Melayu, saya terpaksa menggunakan bahasa yang difahami oleh mereka.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menunaikan tanggungjawab mereka sejak ia ditubuhkan sehingga hari ini tetapi yang tidak menunaikan tanggungjawab ialah orang lain, kita bimbang kalau pelaksanaan Bahasa Kebangsaan tidak ditegaskan, maka Dewan Bahasa dan Pustaka pada suatu hari nanti akan tinggal menjadi muzium atau menjadi lambang sahaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

6.14 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong perbahasan ini,

saya ingin menumpukan kepada Perkara 10 Akta ini iaitu di mana lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan apa-apa perkara dan untuk membentuk, membuat kontrak atau apa-apa transaksi perniagaan yang pada pendapatnya dikira akan memudahkan pelaksanaan tugasnya ataupun perjalanan kuasanya dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka sejak penubuhannya telah pun dipertanggungjawabkan dengan tugas-tugas menyebarkan pengembangan bahasa menerusi majalah-majalah. Pada waktu ini, kalau tidak silap saya Dewan Bahasa dan Pustaka dipertanggungjawabkan menerbitkan majalah Dewan Bahasa sendiri, majalah Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Dewan Pelajar dan mungkin Dewan Siswa kalau tidak silap saya. Saya dapati majalah-majalah ini tidak langsung mendapat sokongan dan dokongan dari para pengiklan, mengapakah perkara ini tidak dapat sokongan dan dokongan para pengiklan? Berapakah edaran majalah-majalah ini? Berapakah jumlah 'circulation', dengan izin, majalah Dewan Bahasa, berapakah jumlah terbitan Dewan Masyarakat dan berapakah jumlah majalah-majalah lain? Berapakah kos majalah-majalah ini. Adakah penerbitan majalah ini sehingga hari ini didapati viable atau mungkinkah perkara ini boleh diswastakan kepada pihak yang berminat?

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanyakan soalan ini di dalam membincangkan hal ini oleh kerana perkara ini saya tahu dan saya sedar adalah mempunyai implikasi kos yang

berat kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya ingin mendapat tahu mungkin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, dalam setahun berapakah kos Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membiayai penerbitan seluruh penerbitan-penerbitan ini? Dan berapa pula pulangan yang diterima daripada jumlah penerbitan-penerbitan ini?

Sekiranya perkara ini didapati tidak viable, mengapa tidak diadakan strategi-strategi baru? Dan juga bagaimanakah sistem pengedarannya, adakah diwujudkan sistem pemasaran yang boleh menarik minat pembeli-pembeli menerusi 'direct selling', jualan terus ataupun hanya diserahkan kepada ejen-ejen Dewan Bahasa dan Pustaka dan walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya amat prihatin terhadap perkara ini dan saya minta Dewan Bahasa dan Pustaka menuntasi perkara ini dengan rinci supaya perbuatan yang tuntas dan rinci itu akan menghasilkan satu tindakan yang lebih positif kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya biarkan Kepong bingung dengan 'tuntas dan rinci'. Saya ulangi, saya minta Dewan Bahasa dan Pustaka mengkaji perkara ini secara tuntas dan rinci. Oleh kerana majalah-majalah yang diterbitkan adalah majalah-majalah yang berkualiti tetapi saya takut majalah ini tidak dapat sampai kepada sasarannya secara seluas-luasnya. Ini saya rasa kalau tidak diatasi, tidak ada perkara-perkara 'remedial', dengan izin yang positif perkara ini merupakan satu 'wastage'—pembaziran kepada kerajaan yang niatnya baik tetapi tidak sampai kepada sasaran.

Yang keduanya, saya ingin menjurus kepada masalah peristilahan. Saya amat menyokong Dewan Bahasa dan Pustaka diberi tugas dan

tanggungjawab yang paling eksklusif untuk mengembangkan, mencipta dan membakukan istilah-istilah. Tetapi, saya berharap istilah-istilah yang dikembangkan, yang dibakukan dari bahasa-bahasa lain, kalau boleh janganlah diubah bunyinya. Kalau ejen ditukar kepada agen. Kalau bahasa-bahasa umpamanya bahasa-bahasa luar, bahasa African umpamanya, saya baru balik daripada Afrika Selatan, dia meminjam perkataan Bahasa Melayu 'pisang' dia tidak tukar kepada perkataan 'peseng' umpamanya. Pisang tetap pisang walaupun digunakan dalam bahasa African, pisang tetap pisang, mangkuk tetap mangkuk—tidak diubah suaranya, tidak diubah bunyinya. Jadi, oleh kerana perkara ini kadang-kadang membingungkan kita, ejen pengiklanan menjadi ejen pengiklanan—macam mana? Ajenda menjadi agenda, jenerasi menjadi generasi, bank menjadi bang. Apa salahnya kalau bank kita panggil bank? Adakah dosa bank ditukar kepada 'bang'. Radio kenapa tidak ditukar kepada perkataan lain? Televisyen kenapa tidak ditukar?

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya tidak tahu apakah hukum, apakah undang-undang yang mengawal pembakuan dan peristilahan. Tetapi janganlah perkara-perkara baru yang untuk diluah, untuk memperkaya bahasa kita menjadi perkara yang 'confused', yang membingungkan kita.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepong tidak payahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju ada kalanya ada kekeliruan sedikit tetapi istilah dan perkataan yang dipetik tadi tidak betul. Kerana di dalam bahasa Malaysia ia ada dua 'egen' dan 'ejen'—ada dua ejaan, dua perkataan, bukan seperti yang disebutkan tadi. Saya tunjukkan kepada dia

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya minta maaf, I might be wrong—saya mungkin tersilap tetapi sekiranya ada perkara ini, kalau bunyinya sama ada telah pun sehati dengan kita, telah familiar, dengan izin, dengan orang kita mengapa perlu diubah. Itu persoalan saya. Mengapa perlu diubah, kalau radio tidak diubah kepada 'redio'.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Pokok Sena bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga inginkan penjelasan atau pun meminta pendapat dari Yang Berhormat Parit Sulong. Saya juga terasa perkara ini pelik sedikit kepada kita sebab macam universiti menjadi 'universiti'—teknologi menjadi 'teknologi'. Selalu bila orang tertanya-tanya saya dok ingat orang yang mereka perkataan ini barangkali dia hendak khabar kepada anak cucunya 'perkataan ini akulah reka' (*Ketawa*). Jadi, bila kita kata fasal apa universiti tiba-tiba menjadi 'universiti, teknologi menjadi 'teknologi'—jadi perkara-perkara macam ini, saya tidak mahu orang-orang yang duduk di Dewan Bahasa mereka-rekakan perkataan untuk hendak diceritakan kepada anak cucu dia—kata "ini dia reka dahulu". Jadi, kita kena tengok keadaan, kalau

macam kata Yang Berhormat Parit Sulong—kalau benda itu sudah dipanggil macam 'bank' menjadi 'diperbankan'—ia menjadi calaru habis. Yang Berhormat Padang Terap menjadi Timbalan Menteri bila dia kata 'diperbankan' saya ingat dia bangkan apa—saya tidak tahu—adakah dia 'bang' di Bank Rakyat? Rupanya 'perbankan' itu banking sistem—atau apakah bendanya. Jadi, benda ini memang mengelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat boleh soal sahaja, jangan ambil kesempatan untuk berucapan—Yang Berhormat.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak apa, sekejap lagi saya akan berucap. Itu sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itulah—suara saya dengan suara kawan-kawan—kita inunison, dengan izin, yang bermakna sama, bermakna kita hairan, kita keliru dan kadang-kadang kita rasa macam a mockery to our language, dengan izin. Bermakna suatu perkara yang mempersendakan bahasa kita—apa salahnya. Sebab itu saya persoalkan apakah undang-undang dan apakah hukum di dalam kita mengistilahkan sesuatu bahasa? Saya persoalkan perkara ini.

Saya pernah menjadi pengamal bahasa. Maknanya sebagai seorang wartawan, we were practice in our language, dengan izin. Jadi, kadang-kadang kita terpaksa rujuk kepada istilah yang betul mengenai perkara ini. Istilah-istilah baru yang diperkenalkan, istilah matematik, istilah teknologi sekarang ini, istilah maklumat (information) dan istilah teknologi maklumat—perkara ini akan

memerperkayakan bahasa kita, tetapi janganlah pengistilahan ini membikinkan kita menjadi lebih keliru—kadang-kadang menjadikan kita lebih benci kepada penggunaan bahasa itu.

Satu lagi yang saya ingin bertanya dalam hal ini dan dalam konteks ini, walau pun mungkin berkaitan dengan Kementerian Penyiaran,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tumpat bangun.

Tuan Ruhanie bin Ahmad: Tidak payahlah. Duduklah, nanti sekejap, selepas ini. Saya hendak bertanya. Adakah selepas akta ini diluluskan oleh Dewan Rakyat dan oleh seluruh Ahli Parlimen adakah Dewan Bahasa mempunyai hak untuk menegur mana-mana organisasi untuk menyelaraskan sebutan bahasa yang disebarkan kepada umum. Saya ingin menegur sahabat saya dari TV3—kadang-kadang, asal bunyinya berbeza—itu bahasa baku. Sedangkah RTM menggunakan bahasa yang kita kenali. Mengapa harus TV3, walaupun sahabat kita, mengapa tidak ditegur? Adakah TV3 telah berhubung dengan Dewan Bahasa dan adakah Dewan Bahasa telah menegur TV3. Kalau kita lihat pengacara atau pun 'penghebah-penghebah' yang baru ini—dia—asal bunyinya lain sedikit dari RTM—itu bahasa baku, walaupun tidak betul. Jadi, apa yang authoritative di dalam hal ini? Siapa yang berkuasa mengenai penggunaan bahasa ini. Adakah Dewan Bahasa atau pun is free for all, dengan izin—itu saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya bangkitkan apabila ada orang luar (foreigner) yang datang, dia tahu bahasa Melayu, dia buka televisyen RTM—dia kata, lain, dia dengar warta berita TV3—dia kata "lo yang mana satu?" "Yang mana satu pak, bahasa Melayu?". Ini yang kata "pokoknya apa? Pokoknya kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini telah hidup dan wujud di kalangan kita, kita 'take for granted', tetapi apabila mata dan telinga luar memandangi, dia merasa keganjilannya. Siapa yang bertanggungjawab untuk mengatasi keganjilan ini? Perkara ini harus dilihat sekali lagi dengan tuntas dan rinci, supaya perkara ini dapat diberi pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, ketiganya mengenai penterjemahan. Kita mempunyai Institut Terjemahan Negara yang telah pun mendapat peruntukan yang besar daripada kerajaan. Walaupun badan ini badan yang bebas, adakah badan ini memberikan sumbangan yang besar kepada Dewan Bahasa untuk membantu dalam menterjemahkan karya-karya besar dan karya-karya asing supaya dapat diterbitkan dalam bahasa Melayu. Persoalan ini amat penting, penting oleh kerana apabila tadi Marang memperkatakan mengenai Jepun—dia kata Jepun bangga dengan bahasanya, termasuk ilmu—sedarkan Marang bahawa Jepun kaya dengan ilmunya dalam bahasa Jepun, oleh kerana mereka mempunyai kor penterjemah dari seluruh bahasa asing yang diterjemah bukunya kepada bahasa Jepun.

Saya mengalami pengalaman ini sewaktu menjadi 'fellowship' dengan kewartawanan negeri Jepun. Saya

bertanya, apakah rahsia kebangkitan Jepun Baru? Dia kata, oleh kerana Jepun mampu menterjemah seluruh buku khususnya buku-buku Inggeris kepada bahasa Jepun dengan secepat mungkin. Satu novel yang baru keluar di pasaran selama dua minggu akan diterjemahkan kepada bahasa Jepun. Adakah kita mampu melakukan perkara itu? Adakah Malaysia dengan Institut Terjemahan Negeranya mampu melakukan perkara ini? Adakah Dewan Bahasa mampu menterjemahkan karya-karya 'contemporary' ataupun buku-buku yang diterjemahkan adalah buku-buku yang sudah basi yang tidak lagi relevan kepada kemajuan ilmu dan kepada kemajuan masyarakat.

Saya berani mengatakan bahawa sesetengah buku yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa adalah buku-buku yang sudah 'obsolete' dari kalangan pengkayaan bahasa, dari pengkayaan knowledge ilmu pengetahuan—buku yang telah lama yang kalau dibawa kepada anak-anak hari ini, buku itu tidak relevan lagi. Jadi, bagaimana perkara ini boleh berlaku dan bagaimana perkara ini perlu diatasi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menghabiskan masa, dengan itu saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Wangsa Maju.

6.27 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahas dan menyokong pindaan yang

dicadangkan pada Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 yang tentunya menjurus kepada perenggan 7 (c) berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan juga untuk memperluaskan segala bidang dan bagi segala maksud di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang sekian lama telah memainkan peranan semenjak ditubuhkan untuk memperkayakan, menambahkan khazanah dan untuk perbendaharaan istilah-istilah dari segi penerbitan bahan ilmiah serta soal perkamusan yang dari pengalaman saya sendiri dari mula saya mengajar pada awal 1970-an di universiti sampailah sekarang ini melihat perkembangan itu sungguh menggalakkan.

Saya juga merasakan bahasa peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa ini sebagai pencetus penggunaan bahasa menimbulkan pelbagai perkara, seperti kata Yang Berhormat Menteri, menghadapi cabaran-cabaran baru yang perlu ditangani di Dewan Bahasa dalam era globalisasi dan juga pengembangan ilmu yang begitu mendadak dan rancak sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat diminta sambung esok.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Terima kasih.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Masalah Penternak Khinzir di Melaka

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang masalah penternak khinzir di Melaka dan tanpa mengulangkan isi kandungan ucapan saya yang telah diberikan kepada pihak menteri, saya ingin meminta menteri menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

6.31 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, masalah penternak khinzir yang menyembelih khinzir di Pusat Sembelih, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka tetapi bila diangkut ke negeri Johor dirampas sungguhpun diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka kerana tidak mendapat

kelulusan Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor dan seterusnya sebagaimana yang telah disoalkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam teks ucapan itu.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, negeri Johor telah diwartakan sebagai kawasan wabak penyakit kuku dan mulut mulai 22hb Jun 1995. Peng wartaan ini dibuat mengikut peruntukan seksyen 36 Ordinan Haiwan 1953. Dengan peng wartaan tersebut, maka peruntukan-peruntukan berikut telah dikuatkuasakan untuk mengawal dari merebaknya penyakit tersebut.

- (i) Melarang pemindahan ternakan dan bahan ternakan sama ada dengan bersyarat atau memberhentikan sama sekali.
- (ii) Melarang penyembelihan ternakan sama ada bersyarat atau memberhentikan sama sekali.
- (iii) Melarang sama sekali atau bersyarat penjualan 'carcass' dalam kawasan itu.
- (iv) Melarang menyimpan 'carcass' atau memelihara sebarang binatang atau unggas dalam kawasan itu.
- (v) Menentukan kebersihan dan penyemburan cucihama di pasar, rumah sembelih, kontena, bakul, peti, lori atau lain-lain penyimpanan di mana binatang atau unggas telah dibawa.
- (vi) Menghendakki ternakan atau bahan ternakan untuk pemeriksaan dan pengambilan sample untuk ujian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ordinan Haiwan 1953 ialah undang-undang Persekutuan yang digunapakai di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia termasuk negeri Johor. Oleh itu, tidak timbul percanggahan undang-undang di antara negeri Johor dengan negeri Melaka tetapi yang berbeza pengawartaan peraturan-peraturan di bawah seksyen 36 Ordinan Haiwan 1953 dibuat di negeri masing-masing mengikut keadaan semasa kejadian penyakit di sesebuah negeri berkenaan.

Wabak penyakit kuku dan mulut telah merebak ke negeri Johor pada 20hb. Jun 1995. Sebagai salah satu langkah untuk mengawal penyakit tersebut dari merebak, beberapa syarat telah dikenakan kepada sesiapa yang ingin memindahkan ternakan atau bahan ternakan termasuk khinzir masuk ke negeri Johor. Syarat-syarat yang dimaksudkan adalah seperti yang telah diwartakan dalam Perkara 3(2) Perintah Kawalan Penyakit Penyakit Binatang Negeri Johor 1995 iaitu

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*) .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, minta jalan. Bolehkah saya bertanya, kalau khinzir yang telah disembelih di Pusat Sembelih Haiwan di Melaka telah diluluskan oleh doktor haiwan negeri Melaka sebagai bebas daripada penyakit kuku dan mulut mengapa pula ia tidak boleh diterima oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Johor? Bukankah perkhidmatan atau perkara haiwan adalah di bawah bidang kuasa pusat? Kalau sebuah negeri diluluskan, sepatutnya negeri lain tidak merupakan masalah, sama seperti kalau satu sijil

sakit yang dikeluarkan oleh Hospital Besar Negeri Melaka, takkan ia tidak akan diterima oleh hospital-hospital di negeri Johor? Semua serupa!

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang didakwa oleh Yang Berhormat itu, kalau pegawai perkhidmatan haiwan di negeri Johor telah meluluskannya dan ada pengesahan bahawa sesuatu itu terlepas daripada penyakit, maka memang itu diakui pakai. Dalam kes yang Yang Berhormat timbulkan ini, persetujuan yang diberi itu ialah untuk dipindahkan dalam negeri Melaka sahaja dan tidak ada surat pengesahan bahawa daging yang berkenaan itu memang bersih daripada penyakit.

Jadi, sebab itulah kes yang berlaku itu telah diambil tindakan dan sehingga ini, dari bulan Julai 1995 hingga sekarang terdapat 11 kes pemindahan ternakan atau bahan ternakan masuk ke negeri Johor tanpa permit dan sehingga ini, 5 daripada kes tersebut telah pun dibawa ke mahkamah dan selebihnya masih di dalam siasatan jabatan. 2 dari kes yang dibawa ke mahkamah telah selesai dikompaunkan dan lori dirampas dan yang lain-lain itu masih lagi di dalam pertimbangan mahkamah.

Jadi, ini bermakna kalau dia ada surat pengesahan, ia ini memang bebas dari penyakit, boleh dipakai.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah sungguhpun ada surat pengesahan daripada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Melaka tetapi ia tidak diterima dan diakuterima oleh Johor. Mengapakah percanggahan atau perbalahan ini boleh berlaku? Satu negeri kata bebas, terlepas daripada penyakit kuku dan mulut tetapi untuk negeri Johor tidak terima. Saya rasa percanggahan ini menimbulkan

masalah. Sepatutnya undang-undang diseragamkan tetapi tidak berlaku di Johor, macam Johor menganggap negeri Melaka sebagai sebuah negeri asing. Sungguhpun Jabatan Haiwan kata bebas, tetapi ia tidak diterima.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Barangkali saya ingat, Yang Berhormat tidak berapa jelas apa yang saya terangkan tadi. Kes negeri Melaka, Pengarah Haiwan Negeri Melaka meluluskan daging khinzir itu dibenarkan pindah dalam negeri Melaka sahaja dan tidak ada surat yang menyatakan bahawa daging tersebut ialah bebas daripada penyakit. Bila tidak ada pengakuan itu, maka tidak dibenarkan keluar dari negeri Melaka kerana kuasa pegawai itu hanya sah di dalam negeri dia sahaja. Tetapi kalau ada pengesahan "bahawa daging ini disahkan bebas dari penyakit", barulah dibenarkan pindah ke negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia ini.

Jadi, dalam kes ini adalah spesifik. Dia dibenarkan pindah, tetapi dia tidak mengesahkan bahawa "bebas dari penyakit". Sebab itu tidak boleh keluar daripada negeri Melaka sahaja. Jadi, saya rasa jelas, ya?

Jadi, tidak timbullah soal Melaka itu seolah-olahnya luar dari Semenanjung. Tidak timbullah.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya memang setuju tetapi apa yang berlaku.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, yang ke berapa, Tanjong Karang?

Tuan Noh bin Omar: Point of order yang ke 13 – Cukup bilangan untuk mengadakan Mesyuarat pada petang ini. Sepatutnya ada 26 orang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Setiausaha, tolong bilang.

Tuan Lim Guan Eng: Ini budak jahatlah dia. (*Ketawa*)

Tuan Noh bin Omar: Tidak tahu undang-undangkah, ini point of order!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila bunyikan loceng. 17 orang sahaja.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 16 orang, masih kurang lagi dari kuorum.

Memandangkan keadaan sedemikian, saya terpaksa menangguhkan Majlis Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.